قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

''IAITU mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada mengerjakan yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan''.
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 41

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.54 SUBUH 5.04 SYURUK 6.21 DUHA 6.44 ZUHUR 12.27 ASAR 3.30 MAGHRIB 6.30 ISYAK 7.39
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 38 | 27 MAC 2024 / 1445 رمضان 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin; dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin; Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh sempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.

## Raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran berjalan lancar

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Selasa, 26 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah akan diadakan pada Rabu malam Khamis, 17 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 27 Mac 2024 Masihi, jam 9.00 malam bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah tahun ini ialah 'Al-Quran Pedomanku'.

Antara pengisian acara ialah pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah.

Majlis juga akan diserikan lagi dengan persembahan lima peserta terbaik hafazan bagi setiap kategori.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelancaran majlis, pagi tadi diadakan latihan penuh majlis berkenaan.

>> Muka 4

## Pastikan mutu perkhidmatan dipertingkatkan

Oleh : Khartini Hamir

**RIMBA**, Isnin, 25 Mac. - Peranan Komiti Penghubung Berkepentingan (SLC) dan Duta Pembangunan Sumber Manusia (HRDA) yang mewakili setiap agensi kerajaan adalah penting dalam membantu Institut Perkhidmatan Awam (IPA) merancang dan memberkesankan lagi program-program pembelajaran di IPA.

Ia agar sentiasa relevan kepada memastikan warga perkhidmatan awam dibekalkan pengetahuan serta kemahiran yang sangat diperlukan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan, lebih-lebih lagi mereka yang berurusan dengan orang ramai.

>> Muka 10

## Kementerian Kesihatan adakan Majlis Bertadarus Al-Quran

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TEMBURONG**, Selasa, 26 Mac. - Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juzuk 24) yang diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Surau Dhafwatul Ai'sy, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, di sini.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian derma kepada enam orang anak yatim daripada warga kakitangan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Pejabat Kesihatan Temburong.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



KEMENTERIAN Pendidikan membaca Yaa Siin, bertahlil di Kubah Makam Diraja

Muka 9



BERPUASA di perantauan beri pengalaman indah

Muka 13



KEBAJIKAN anak yatim terus mendapat perhatian

Muka 15



RENCANA

AL-QURAN sebagai pegangan, pedoman hidup

Muka 21

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Memberikan perawatan lebih individual, responsif

***Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*, dan Selamat Pagi**

**ALHAMDULILLAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Perasmian Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal yang baharu sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Apabila buah pinggang gagal untuk berfungsi dengan baik, pesakit mempunyai tiga pilihan untuk Terapi Gantian Buah Pinggang (KRT-Kidney Replacement Therapy), iaitu melalui:

a) Pemindahan buah pinggang,
b) Dialisis Peritoneal (Cuci Air), atau
c) Hemodialisis (Cuci Darah).

Di antara pilihan tersebut, pembedahan pemindahan buah pinggang menawarkan peluang yang terbaik untuk kelangsungan hidup jangka panjang dan peningkatan kualiti hidup. Walau bagaimanapun, proses pembedahan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak, termasuk penderma buah pinggang dan keluarga pesakit itu sendiri. Dari segi perubatan pula, tidak semua pesakit sesuai untuk menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang

Oleh yang demikian, majoriti pesakit akhirnya memerlukan rawatan dialisis. Pada umumnya, dialisis peritoneal adalah pilihan yang lebih baik jika dibandingkan dengan rawatan hemodialisis. Pesakit dialisis peritoneal juga sering kali mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan mengalami kurang komplikasi berbanding dengan pesakit hemodialisis.

Dialisis peritoneal adalah satu prosedur yang mana pesakit boleh melakukan rawatan dialisis mereka dengan sendiri di rumah, tempat kerja, atau semasa melancong. Mengambil kira akan kemudahan tersebut, pesakit dialisis peritoneal selalunya masih dapat mengekalkan kehidupan mereka seperti biasa iaitu jika pesakit menjalani rawatan dialisis peritoneal pada waktu malam, pesakit masih boleh melakukan aktiviti harian pada waktu siang.

Sementara itu, rawatan hemodialisis pula memberi kesan yang ketara di dalam kehidupan pesakit. Rawatan hemodialisis mengambil masa sekurang-kurangnya 4 jam, tiga kali seminggu untuk berada di pusat dialisis dan memerlukan kehadiran jururawat yang terlatih untuk membuat rawatan tersebut.

Pada tahun 2023, Perkhidmatan Dialisis Peritoneal mencapai kadar pembesaran melebihi 15 peratus dalam tempoh satu tahun. Ini merupakan pencapaian yang signifikan sejak perkhidmatan dialisis peritoneal diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam. Sehingga pertengahan bulan Februari 2024, terdapat 154 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis peritoneal di negara ini.

Pengenalan Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal yang baharu ini merupakan satu langkah penting dalam usaha Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi pesakit yang menghadapi masalah buah pinggang. Langkah ini melibatkan peningkatan akses kepada rawatan yang saksama dan pelaksanaan amalan ubat yang terbaik sesuai dengan tema sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini, iaitu 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua – Memantapkan Akses Rawatan yang Saksama dan Amalan Ubat yang Optima'.

Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal yang baru diperkenalkan ini, insyaaAllah akan dapat meningkatkan lagi faedah rawatan. Para profesional kesihatan akan dapat merancang rawatan secara lebih terarah dan berkesan bagi setiap pesakit yang menjalani dialisis peritoneal. Kelebihan penggunaan sistem ini adalah kemampuannya untuk mengesan masalah pesakit dengan lebih awal semasa rawatan dialisis peritoneal dijalankan, membolehkan para profesional kesihatan mengambil tindakan segera yang seterusnya dapat mengurangkan keperluan rawatan di hospital. Menerima maklumat secara *real-time* juga membolehkan para profesional kesihatan menyesuaikan pengaturan mesin dialisis pesakit di rumah tanpa perlu menunggu pesakit datang ke klinik mengikut temu janji yang diberikan. Ini tidak hanya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perawatan pesakit, tetapi juga memberikan perawatan yang lebih individual dan responsif terhadap keperluan unik setiap pesakit.

Akhir kalam, pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan daripada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan sistem ini, dari pakar IT sehingga kepada pasukan kesihatan yang berdedikasi. Kerjasama dari semua pihak adalah kunci kejayaan dalam menjayakan inisiatif ini.

Seterusnya, Dengan kalimah *Bismillahirrahmanirrahim*, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan ini merasmikan secara rasmi "Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal".

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Perasmian Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 bertempat di Pusat Dialisis Rimba, Gadong pada Sabtu, 23 Mac 2024.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Mac MASIHI | HARI | Ramadan HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | RABU | 16 | 4.54 | 5.04 | 6.21 | 6.44 | 12.27 | 3.30 | 6.30 | 7.39 |
| 28 | KHAMIS | 17 | 4.54 | 5.04 | 6.21 | 6.43 | 12.26 | 3.29 | 6.30 | 7.39 |
| 29 | JUMAAT | 18 | 4.53 | 5.03 | 6.20 | 6.43 | 12.26 | 3.28 | 6.30 | 7.39 |
| 30 | SABTU | 19 | 4.53 | 5.03 | 6.20 | 6.42 | 12.26 | 3.27 | 6.29 | 7.39 |
| 31 | AHAD | 20 | 4.52 | 5.02 | 6.20 | 6.42 | 12.25 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 1 April | ISNIN | 21 | 4.52 | 5.02 | 6.19 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |
| 2 | SELASA | 22 | 4.51 | 5.01 | 6.19 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 26 °C | 33 26 °C | 34 25 °C |
| Pekan Bangar | 34 26 °C | 33 26 °C | 34 25 °C |
| Pekan Tutong | 34 26 °C | 33 26 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 34 26 °C | 33 26 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

27 MAC 2024

# Jaga keselamatan diri dan kesihatan semasa cuaca panas

**MENURUT** Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) Negara Brunei Darussalam pada masa ini mengalami Cuaca Panas Melampau (EHW). Dalam keadaan EHW rekod suhu maksimum boleh mencapai sekurang-kurang 35 darjah Celsius. Cuaca NBD diramalkan panas dan kering bagi minggu terakhir bulan Mac dan keadaan cuaca berjerebu juga turut diramalkan.

Dalam keadaan cuaca panas ini adalah wajar untuk kita mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan. Kementerian Kesihatan melalui media sosial telah mengeluarkan maklumat terkini mengenai keadaan cuaca di NBD dan telah mengongsikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk kita menjaga keselamatan dan kesihatan.

Pada masa yang sama juga umat Islam sedang menunaikan ibadah puasa di siang hari. Jadi langkah berjaga-jaga yang perlu diambil adalah untuk menangguhkan atau mengehadkan aktiviti fizikal di siang hari dan sebolehnya melakukan aktiviti di dalam rumah atau bangunan yang mempunyai pengudaraan yang mencukupi. Apabila kita di luar pula, kita perlu mengelakkan memakai pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat kerana pakaian ini boleh memerangkap haba dan menyebabkan kita merasa panas. Selain itu, kita juga boleh menggunakan topi atau payung serta pelindung matahari iaitu *sunblock* untuk melindungi diri daripada terlalu terdedah kepada cuaca panas. Setelah berbuka puasa, ada baiknya kita memperbanyakkan minum air bagi mengelak dehidrasi dan mengelak minuman yang tinggi kandungan gulanya.

Untuk keadaan cuaca berjerebu pula, langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang boleh diambil adalah seperti menggunakan krim atau losen pelembap untuk mengelak kulit kering dan menggunakan titik mata jika mata kita terasa pedih atau kering. Sebaik saja kita masuk ke rumah selepas berada di luar, kita perlu menjaga dan mengamalkan kebersihan diri setiap masa seperti mencuci muka dan tangan. Ada juga baiknya kita menggunakan sungkup muka supaya tidak terhidu partikel-partikel debu yang boleh menjejaskan pernafasan kita. Jika kita mengalami tanda-tanda seperti demam selesema berpanjangan, alahan dan kesukaran bernafas adalah disarankan untuk kita mendapatkan rawatan segera di pusat-pusat kesihatan berdekatan.

Berpuasa dalam keadaan cuaca panas boleh dianggap satu cabaran. Sebagai umat Islam kita harus ingat untuk sabar dan berpegang kepada niat kita dan kenapa kita berpuasa iaitu untuk mendapat keampunan dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Abu Hurairah, Baginda bersabda : "*Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan ini dengan penuh keimanan dan menjaga puasanya itu dengan baik sekali, maka Allah akan mengampunkan dosanya yang lalu*".

- **Ketua Penyuntingan (Nr).**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN ANJURAN YSHHB




**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

Berangkat di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dipimpin oleh Guru Sekolah Menengah YSHHB, Dr. Haji Samsul Muawan bin Haji Shodiq.

Bagi majlis tersebut, seramai 30 pegawai dan kakitangan YSHHB telah mengkhatamkan bacaan Al-Quran masing-masing.

Majlis diteruskan dengan Doa Khatam dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan majlis berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir di majlis ini ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; para jemputan, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat pada majlis berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah (atas kanan dan atas kiri). Sementara gambar bawah kanan dan bawah tengah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**



**BACAAN Doa Khatam dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (atas).**





# KHATAM AL-QURAN AKHIRI TADARUS DI ISTANA NURUL IMAN



MAJLIS Khatam Al-Quran dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Acara Tadarus Al-Quran yang memgimarahkan malam-malam Ramadan di Istana Nurul Iman diakhiri dengan Majlis Khatam Al-Quran malam tadi yang berlangsung di Baitur Rahmah, di sini.

Majlis dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah beramai-ramai memulakan majlis yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan bin Haji Tahir.

Majlis kemudiannya disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Ad-Dhuha y ang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, diikuti Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Kabinet yang lain serta para pegawai kanan kerajaan yang hadir.

Sejurus selesai bacaan ayat-ayat lazim, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Tahlil dan Doa Khatam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan yang juga membacakan Doa Dikir.

Majlis juga disemarakkan dengan Dikir Syarafil Anam daripada Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Begawan-begawan Mudim yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Bagi memohon keberkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir pada majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis, Ahli-ahli Lembaga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.

Majlis berkenaan dihadiri dengan seramai 50 orang pembaca dari Jabatan Pengajian Islam serta 40 pembaca khas yang terdiri daripada tenaga pengajar dan pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta 200 peserta wakil daripada kementerian-kementerian masing-masing.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas sekali dan atas).

Adapun format Majlis Tadarus Istana Nurul Iman tahun ini yang diadakan setiap malam yang dikelolakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diimarahkan dengan 800 penyertaan.

Setentunya acara keagamaan ini untuk mengaut pahala berlipat ganda pada bulan Ramadan Al-Mubarak ini sekali gus memupuk untuk dekat dengan kitab suci Al-Quran agar menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

# Raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran berjalan lancar



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir menyaksikan latihan bagi raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan (atas). Manakala gambar kanan, sekitar raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran.




**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**>> Muka 1**

Hadir menyaksikan latihan berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB); dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Hadir sama, Setiausaha-setiausaha Tetap dan juga pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian yang berkenaan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang terlibat.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.

# KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN





YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan derma kepada salah seorang penerima (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis bertadarus tersebut adalah merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini, di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan dengan warga Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Pejabat Kesihatan Temburong.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

# Raih ganjaran pahala di bulan Ramadan



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 26 Mac. – Dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan yang penuh keberkatan ini, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan kumpulan anak-anak syarikatnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai salah satu acara tahunan, dan bagi menggalakkan pegawai dan kakitangannya meraih ganjaran pahala sepanjang bulan kemuliaan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah Kumpulan BIBD.

Majlis yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara berkenaan, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan acara Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Md. Haneesuddin bin Sakdon.

Acara diselajurkan dengan penyampaian wakaf berupa vakum dari BIBD kepada Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Dengan sumbangan wakaf berkenaan, BIBD berharap ia akan dapat mengajak rakyat negara ini untuk memperbanyakkan amalan bersedekah terutamanya pada bulan yang mulia ini untuk meraih manfaat Ramadan sepenuhnya.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, serta ahli-ahli Badan Penasihat Syariah Kumpulan BIBD, 30 pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, serta pegawai dan kakitangan BIBD, BIBD At-Tamwil, BIBD Securities dan Syarikat Takaful Brunei.

Majlis berkenaan dihasrat sebagai peringatan khususnya umat Islam kerana pada bulan Ramadan ini, Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara berperingkat, iaitu sebagai petunjuk bagi manusia.



قليتا بروني PELITA BRUNEI

# KHEDN teruskan Tadarus Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran bertempat di Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan sumbangan wakaf kepada Ketua Imam Masjid Az-Zakireen dan (atas, kanan dan bawah kanan).






**Oleh : Aimi Sani**
**Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**MERAGANG**, Selasa, 26 Mac. - Keberkatan bulan suci Ramadan yang kini memasuki minggu ketiga tidak disia-siakan, malah majlis-majlis keagamaan terus dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini demi sama-sama meraih nikmat ganjaran pahala yang berlipat ganda di bulan ini

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran bertempat di Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang, Mukim Serasa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan diselajurkan dengan penyampaian sumbangan wakaf yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Ketua Imam Masjid Az-Zakireen, Awang Haji Hidayatullah bin Haji Zulkiflee.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Tadarus Al-Quran dan bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Az-Zakireen, diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Acara antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan di samping menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya dengan ahli-ahli MPMK serta pemimpin akar umbi.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN serta penduduk kampung sekitarnya.

# KEPENTINGAN PERANAN BUDAYA, KESENIAN ASEAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**







YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Mesyuarat Ke-31 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang diadakan pada 23 hingga 24 Mac 2024 di Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao (atas, kiri dan bawah kiri).



**REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Isnin, 25 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menghadiri Mesyuarat Ke-31 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang diadakan pada 23 hingga 24 Mac 2024 di Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Mesyuarat yang bertemakan 'Enhancing Connectivity and Resilience' tersebut dipengerusikan oleh Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan Republik Demokratik Rakyat Lao, Puan Yang Terutama Suanesavanh Vignaket selaku Pengerusi Majlis ASCC tahun 2024. Turut hadir, para Menteri ASCC atau wakil dan Setiausaha Agung ASEAN. Mesyuarat juga dihadiri oleh Timor-Leste selaku pemerhati.

Mesyuarat Ke-31 Majlis ASCC didahului dengan Mesyuarat Ke-2 Ad-Hoc Working Group to Develop ASCC Post-2025 Strategic Plan dan Mesyuarat Ke-36 Senior Officials Committee Meeting for the ASCC (SOCA) yang telah diadakan pada 21 hingga 23 Mac 2024.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-menteri ASCC bertukar-tukar pandangan berkaitan hala tuju strategik Tunggak ASCC, terutama perkembangan pembentukan ASCC Post-2025 Strategic Plan.

Antara lainnya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menekankan kepentingan peranan budaya dan kesenian ASEAN dalam memanfaatkan potensi budaya dalam pembangunan ASEAN, dengan memperkasa perusahaan budaya yang didorong oleh masyarakat yang juga akan membuka kunci inovasi dan kreativiti sekali gus memberi manfaat kepada ASEAN.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menghadiri ASCC Council's Interface bersama Menteri-menteri Badan Sektoral ASCC Republik Demokratik Rakyat Lao bagi ASEAN Community Vision 2045, di mana Mesyuarat Ke-31 Majlis ASCC mengambil maklum mengenai pandangan dan cadangan Menteri-menteri tersebut.

Pada penghujung mesyuarat, Menteri-menteri ASCC menghargai kejayaan dalam pembangunan dan pelancaran ASCC Database for Monitoring and Evaluation (ADME) System, yang menggariskan peranan penting data berasaskan bukti dalam pembentukan dasar ASCC, perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif, serta mengukuhkan lagi perkongsian dan kerjasama. Yang Berhormat telah disertai para pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

# TADARUS AL-QURAN JPM BERAKHIR DENGAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi







**YANG Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan diselajurkan dengan menyampaikan sumbangan wakaf kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, antara yang hadir.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mac. - Tadarus Al-Quran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena menyambut bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi berakhir dengan acara penutup hari ini.

Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen berkenaan merupakan kolaborasi bersama Jabatan Tenaga dan Biro Mencegah Rasuah yang mengungkayahkan acara keagamaan kali ini.

Hadir menyerikan majlis, Pemangku Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara.

Pada majlis berkenaan juga diselajurkan dengan menyampaikan sumbangan wakaf yang diserahkan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Setelah itu, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan secara beramai-ramai bermula dari Surah Ad-Dhuha dan diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin yang juga memimpin Tahlil, Dikir dan Doa Selamat.

Majlis seterusnya diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis sedemikian merupakan salah satu aktiviti keagamaan dan kebajikan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak yang penuh dengan rahmat di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# Majlis Khatam terus semarakkan Ramadan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya sempena bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (kanan). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya sempena bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan Tahtim Khatam Al-Quran serta menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 3, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada setiap tahun pada bulan Ramadan dalam mengeratkan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Selain itu, ia juga adalah meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredaan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Majlis Khatam pada tahun ini telah diselenggarakan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP).

# SEMARAK RAMADAN, RAIH KEBERKATAN PAHALA



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang penuh berkah dan maghfirah ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, para pengarah, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan anggota serta warga kakitangan awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Surah Yaa Siin diikuti dengan bacaan Tahlil dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong PPDB, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB bagi menyemarakkan dan memperoleh lagi keberkatan sempena bulan Ramadan pada tahun ini 1445 hijrah bersamaan tahun 2024 Masihi.

# Pupuk nilai kemasyarakatan, eratkan hubungan silaturahim




**PROJEK Ramadan 'IMPAK Mahabbah' berkenaan memfokuskan kepada penyediaan juadah penyungkaian kepada pekerja warga asing yang bermastautin di sekitar kawasan Pekan Tutong.**

Berita dan Foto : Ihsan Mohd Hazwan Nizam bin Ibrahim, Penggerak Belia Impak Tutong, Pusat Belia




**ANTARA para peserta yang mengikuti projek berkenaan yang terdiri daripada PKWE, belia-belia IMPAK dan sukarelawan dari aplikasi Mengalinga.**

**TUTONG**, Isnin, 25 Mac. - IMPAK Penggerak Belia Tutong dengan kerjasama Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong menganjurkan Projek Ramadan 'IMPAK Mahabbah' bersempena bulan Ramadan 1445H yang diadakan selama dua hari bermula Sabtu, 23 Mac hingga Ahad, 24 Mac 2024 bertempat di PKWE Tutong.

Projek tersebut memfokuskan kepada penyediaan juadah penyungkaian kepada pekerja warga asing yang bermastautin di sekitar kawasan Pekan Tutong.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk menerapkan prinsip keadilan dan kesetaraan terutama kepada golongan pekerja-pekerja asing di negara ini tanpa mengira agama, bangsa dan status.

Di samping meningkatkan amal ibadah melalui amalan sedekah terutama pada bulan Ramadan yang mulia ini.

Seramai 40 ahli mengikuti projek berkenaan terdiri daripada PKWE, belia-belia IMPAK dan sukarelawan dari aplikasi Mengalinga.

Hari pertama diadakan persiapan dan penyediaan projek iaitu aktiviti memucang-mucang oleh ahli jawatankuasa bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sementara pada hari kedua, acara diteruskan dengan aktiviti memasak dan membungkus juadah oleh ahli jawatankuasa dan sukarelawan.

Hadir sama pada hari tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Pengerusi IMPAK Penggerak Belia Tutong.

Penghantaran juadah akan dilaksanakan di dua buah lokasi iaitu Kompleks Chempaka, Pekan Tutong dan Rumah Pekerja Tapak Pembinaan Kubur Kampung Suran yang akan disempurnakan oleh ahli jawatankuasa dan sukarelawan.

Adalah diharapkan projek sedemikian dapat mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat dengan unsur kepedulian dan jalinan yang mesra seterusnya mempraktikkan perbuatan sedekah yang merupakan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sangat digalakkan dalam Islam dan amalan dilipatgandakan ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MEMBACA YAA SIIN, BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil berkenaan yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.**

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir mengetuai rombongan pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Pada majlis tersebut, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam, Awang Muhammad bin Haji Bagol.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan dengan kerjasama Pusat Teknologi Pendidikan dan Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan dan ia merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan dan sebagai wadah dalam meningkatkan amalan ibadat serta mengeratkan silaturahim sesama pegawai dan kakitangan.

Juga hadir, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan.

# Program Mukhayyam Islamiy 2.0 tutup tirai





**RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Mukhayyam Islamiy 2.0 (kanan dan atas). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**BELAIT**, Isnin, 25 Mac. - Program Mukhayyam Islamiy 2.0 anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menutup tirainya baru-baru ini di Kampung Melilas, Daerah Belait.

Program yang diadakan selama dua hari tersebut telah disertai oleh 27 pelajar KUPU SB dan diketuai oleh Dekan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup program berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan sumbangan kepada 18 buah keluarga peserta mualaf dan ahli jawatankuasa program.

Dalam ucapan tetamu kehormat menjelaskan bahawa aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan adalah sangat diperlukan dalam memastikan Maqasid Al-Syariah iaitu agama, akal, nyawa, keturunan dan harta benda terus terjaga, selain menjadi salah satu kaedah yang berkesan dalam menyampaikan maklumat yang autentik.

Malah Maqasid Al-Syariah juga merupakan pendidikan terbaik kepada saudara-saudara baharu yang menerima hidayah dan memilih Islam sebagai pegangan dan cara hidup yang benar di dunia ke arah memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Justeru, tambah tetamu kehormat, Program Mukhayyam Islamiy yang dilaksanakan dengan kerjasama KUPU SB dan PDI berkenaan adalah perlu terus diperkasakan pada masa-masa akan datang agar dapat dijadikan sebagai wadah komunikasi dan latihan yang efektif kepada masyarakat di luar bandar dan seterusnya sama-sama bergerak membentuk sebuah negara bercirikan Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur.

Antara objektif program diadakan adalah untuk mempraktikkan kursus dalam kuliah khususnya berkaitan dakwah dan pengucapan umum sebagai usaha melahirkan pelajar dan belia bakal pemimpin yang cemerlang berkemahiran dalam berdakwah dan pengucapan umum.

Selain itu, program tersebut diharapkan dapat memupuk kemesraan, ukhuwah dan semangat berpasukan dalam kalangan peserta dan seterusnya penghayatan rasa Hubbu Ad-Din dalam kalangan mualaf dan juga para ahli.



Antara kegiatan yang dilaksanakan sepanjang program berkenaan termasuk aktiviti bimbingan klinik Al-Fatihah dan wuduk bagi warga kampung, Sembahyang Sunat Tarawih dan Qiyam, aktiviti kembara Sungai Belait, gotong-royong di kawasan rumah panjang dan sembahyang berjemaah.

# PASTIKAN MUTU PERKHIDMATAN DIPERTINGKATKAN



SETIAUSAHA Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam, JPM semasa berucap dan seterusnya melawat ke pameran berkenaan (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Borneo Bulletin

Perkara itu digariskan oleh Setiausaha Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin ketika berucap di Hari Pelanggan Institut Perkhidmatan Awam (HPIPA) bagi Tahun 2024 yang diadakan pada 25 - 26 Mac 2024 bertempat di IPA, di sini.

"Saya berharap kerjasama rapat di antara IPA; SLCs dan HRDA serta rakan-rakan strategik, termasuk GLCs dan sektor swasta akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kemajuan teknologi serta jangkaan orang ramai yang akan sentiasa meningkat terhadap kualiti pemberian perkhidmatan di pihak kerajaan," terangnya.

Dalam menjayakan dasar-dasar dan inisiatif yang dilaksanakan tambahnya, kita perlu mengambil kira pandangan, keperluan, dan aspirasi pelanggan warga perkhidmatan awam. Pelanggan bukan sahaja penerima perkhidmatan dari pihak IPA, tetapi mereka adalah rakan seiringan dalam mencapai matlamat bersama untuk pembangunan negara.

Justeru, IPA akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, menyediakan kemudahan yang lebih baik dan memastikan pelanggan merasa dihargai dan diutamakan.

Ini termasuk peningkatan dalam penyampaian maklum balas, peningkatan kecekapan, dan pembangunan program pembelajaran yang bersesuaian dan bertepatan selaras dengan objektif Hari Pelanggan IPA.

HPIPA 2024 dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam, JPM, Awang Ajman, selaku tetamu kehormat dengan pelancaran Video Korporat dan Program Direktori Pembelajaran dan Pembangunan IPA bagi April 2024 - Mac 2025.

Majlis terdahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, SLCs dan HRDA kementerian dan jabatan serta syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dan juga swasta selaku jemputan khas.

Objektif HPIPA ialah untuk membarigakan program dan perkhidmatan IPA, meningkatkan pengetahuan mengenai etika kerja, pembangunan *capability*, integriti, kesejahteraan, keselamatan siber dan kemahiran asas di dalam IT bagi memastikan perkhidmatan awam dilengkapi dengan



kemahiran dan kompetensi diperlukan menuju ke arah kecemerlangan organisasi dan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh rangkaian kerja bersama kementerian / jabatan, swasta dan GLCs.

Antara aktiviti-aktiviti yang diselitkan semasa HPIPA 2024 termasuk penyampaian khas mengenai Artificial Intelligence in the Public Sector daripada pihak Universiti Teknologi Brunei, Ramadhan Talk Series dan pameran melibatkan beberapa Jabatan Kerajaan, swasta dan GLCs.

Sekurang-kurangnya sebanyak 90 buah program akan ditawarkan termasuk *planner* yang berasaskan kompetensi di samping program-program *signature* dan *flagship*, membariskan program-program Kepimpinan, Urustadbir, ICT, Inovasi, Komunikasi, Pengurusan, Sumber Manusia dan Perkhidmatan Pelanggan telah disediakan. 31 peratus daripadanya adalah program berupa Inovasi dan ICT.

Penyertaan program-program dibukakan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, swasta dan GLCs.

# Kongsi kegembiraan bersama kanak-kanak berkeperluan khas

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUTONG**, Selasa, 26 Mac. -The Lanes Hotel lewat petang tadi menganjurkan acara Bersungkai bersama 30 kanak-kanak berkeperluan khas yang berdaftar di bawah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Acara ini berlangsung di Darlington's di Aras 6, Hotel The Lanes, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sejurus acara bersungkai, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan pek bungkusan dan sampul hijau kepada kanak-kanak berkenaan bagi membantu mereka dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya bakal menjelang tidak lama lagi.

Acara bersungkai ini merupakan dedikasi The Lanes Hotel untuk bersama-sama meraikan bersama masyarakat khususnya anak-anak berkeperluan khas.

Sejak penubuhannya pada tahun 2018, The Lanes Hotel telah berfungsi sebagai tempat untuk pelbagai majlis dan acara penting dalam memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai termasuk Kedutaan Indonesia, Persatuan Muzik Brunei dan Bank Baiduri.

Hotel ini juga telah terlibat secara aktif dalam menyokong komuniti Tutong, terutamanya dengan membantu Hospital Tutong semasa pandemik COVID-19 sebagai pusat pengasingan dan menyediakan penginapan untuk kakitangan perubatan dari NIC Tutong.

Dengan tenaga kerja yang terdiri daripada 80 peratus kakitangan tempatan, hotel ini telah menjalin kerjasama dengan Sunshine Borneo Tours & Travel dan Penyedia Perkhidmatan Pelancongan Tutong seperti Lamin Warisan, Eco Ponies Garden dan Seri Melati River Cruise untuk mempromosikan pelancongan domestik.







**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa menyampaikan sumbangan berupa pek bungkusan dan sampul hijau kepada penerima pada acara Bersungkai bersama 30 kanak-kanak berkeperluan khas yang berdaftar di bawah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (atas kiri). Manakala gambar kiri, antara yang hadir.**



# HAYATI KELEBIHAN RAMADAN BERSAMA MUALAF

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah







| 18 | Kampung Bang Dalam, Tutong | 37<br><br>38 | Hazman bin Haji Hussin (Imam Tkt IV)<br><br>Mohd Aliyan bin Abdullah Suawat (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Bang Dalam, Tutong |
| 19 | Kampung Benutan, Tutong | 39<br><br>40 | Haji Muhd Hairol Mazlan bin Haji Abdul Razak (Imam Tkt IV)<br><br>Haji Norsham bin Rosli (Bilal Tkt I) | Masjid Kampung Benutan Tutong |
| 20 | Kampung Long Mayan, Tutong | 41 | Muhd Ghazali bin Muhd Ariffin (Bilal Tkt I / Pmk Imam) | Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan Tutong |
| 21 | Kampung Bukit, Tutong | 42 | Muhd Jilimi bin Muhd Solihen (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | Masjid Kampung Bukit, Tutong |

Ke muka VI

PELITA BRUNEI

# ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H BERSAMAAN 2024M

Dari muka V

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 22 | Kampung Layong | 43<br>44 | **Haji Mohd Nazelley bin Noorashid** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) <<<br>**Muhd Yushasni bin Haji Md Yusof** (Bilal Tkt I) | Masjid Kampung Layong Tutong |
| 23 | Kampung Tanjong Maya | 45<br>46 | **Mohd Latif bin Zaini** (Irnam Tkt I)<br>**Mohd Nurisyraf bin Fazri** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Tanjong Maya, Tutong |
| 24 | Kampung Penapar | 47<br>48 | **Abd Wafly bin Haji Abd Kadiroshman** (Imam Tkl II)<br>**Muhd Nur Harnizan bin Haji Yakub** (Bilal Tkt I) | Masjid Kampung Penapar Tutong |
| 25 | Kampung Lubok Pulau | 49<br>50 | **Haji Ahmad Yani Zulkarnain bin Haji Yusof** (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>**Muhd Suhud bin Haji Razali** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong |
| 26 | Kampung Bukit Udal | 51<br>52 | **Alimin bin Ismail** (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>**Muhd Digun bin Haji Abdul Halim** (Bilal Tkl I) | Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong |
| 27 | Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang | 53<br>54 | **Muhammad Aisamuddin bin Haji Selaman** (Imam Tkt II)<br>**Muhd Padini bin Tai'ai** (Bilal Tkt II) | Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, Tutong |
| 28 | Kampung Telisai | 55<br>56 | **Saipol bin Ismail** (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>**Hazwan Hamizan bin Haminuddin** (Bilal Tkt I) | Masjid Kampung Telisai Tutong |
| 29 | Kampung Danau | 57<br>58 | **Abdul Hadi bin Abd Rahman** (Imam Tkt III)<br>**Aminnoorrahim bin Abd Amin** (Bilal Tkt II) | Masjid Kampung Danau Tutong |
| 30 | **Kawasan Regimen Pasukan Khas** (khusus untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | 59<br>60 | **Ustaz Muhammad Rusaini bin Awang** (Guru Ugama, Kementerian Perlahanan)<br>**50357 L/Kpl Md Aminuddin bin Haji Mesri** | Surau Asy-Syuja'ah, Rejimen Pasukan Khas, Penanjong Garison |
| Jumlah Kawasan : <u>30</u> | | Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik : <u>60 orang</u> | | |

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT BAGI TAHUN 1445-1446H / 2024-2025M

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Hujung Tanjung, Kuala Belait | 1<br>2 | **Haji Noor Azhar bin Haji Harith** (Imam Tkt III)<br>**Haji Mohd Alias bin Bakar** (Imam Tkt III) | Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait |
| 2 | Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Pusing keliling KM 6, Kuala Belait | 3<br>4 | **Abd Qayyuum bin Haji Aminnuddin** (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>**Muhammad Hadi Wa'ie bin Mohammad** (Pelapis Bilal) | Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait |
| 3 | Dari Kampung Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait | 5 | **Muhammad Nor Islam bin Mohd Suria** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Sungai Teraban |
| 4 | Dari Anduki hingga Lorong Lima, Seria | 6 | **Haji Aminorddin bin Haji Md Yussof** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Pekan Seria |
| 5 | Dari Lorong Enam hingga pusing keliling KM 6, Kuala Belait | 7 | **Mohd Shahirwandy bin Samsudin** (Imam Tkt IV) | Masjid STKRJ Lorong Tiga Selatan, Seria |
| 6 | Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G, Lumut | 8 | **Soffian bin Bidin** (Imam Tkt IV) | Masjid Zainab, Lumut |
| 7 | Dari Sempadan Belait / Tutong hingga B.L.N.G, Lumut | 9<br>10 | **Md Zulhilmi bin Md Jefri** (Imam Tkt III)<br>**Mohd Ikhwan bin Irwandy** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Sungai Liang |
| 8 | Kawasan Bukit Sawat | 11 | **Awg Kastini bin Saruji** (Pmk Imam) << | Masjid Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait |
| 9 | Kawasan Kampung Merangking | 12 | **Muhd Fauziee bin Muhd Abd Rahman** (Bilal Tkt II) | Balai Ibadat Kampung Merangking, Ulu Belait |
| 10 | Kawasan Kampung Sungai Mau | 13 | **Pg Muhammad Abdul Malik Syafi'ie bin Pg Haji Mohammad Abd Aziz** (Imam Tkt IV) | Masjid Al-Mashhor Kampung Sungai Mau, Ulu Belait |
| 11 | Mukim Labi, Ulu Belait | 14 | **Abdul Qadir bin Osman** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | Masjid Kampung Labi, Ulu Belait |
| 12 | • Kawasan Balai Bomba dan Penyelamat, Seria<br>• SPARK, Sungai Liang<br>• Labi, Kuala Belait | 15 | **ABKD 981 Shahbri bin Jalil** (Ahli Bomba) | Balai Bomba Kuala Belait, Sg. Liang SPARK, Seria & Labi |
| 13 | Mukim Melilas, Ulu Belait | 16 | **Haji Saifullah bin Abd Rahman** (Bilal Tkt II "Khas") | Balai Ibadat Kampung Melilas, Ulu Belait |
| 14 | Mukim Sukang, Ulu Belait | 17 | **Haji Haudin bin Hamdan** (Bilal Tkt II/ Pmk Imam) | Balai Ibadat Kampung Sukang, Ulu Belait |
| 15 | **Kawasan Perkhemahan Lumut** (khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | 18<br>19<br>20 | **Abdul Hakim bin Haji Bujang** (Guru Agama)<br>**51909 LKpl Md Norasrin bin Abdul Rahim**<br>**52023 LKpl Md Hafizuddin bin Md Zaini** | Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut |
| 16 | **Kawasan Ibu Pejabat Polis Daerah Belait** (Untuk Anggota PPDB dan penduduk berdekatan) | 21 | **Sgt 4311 Mohd Hasde bin Taher** (Bilal Surau Polis Panaga) | Surau Polis Panaga |
| Jumlah Kawasan : <u>16</u> | | Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik : <u>21 orang</u> | | |

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1445-1446H / 2024-2025M

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | • Kawasan Pekan Bangar Baru<br>• ABDB Bangar Kem<br>• Kampung Batang Tuau<br>• Kampung Seri Tanjong Belayang<br>• Barik Letrik<br>• Kampung Samamang<br>• Kampung Kinalong<br>• Kampung Belingos | 1<br>2 | **Haji Kamarulzaman bin Kamis** (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>**Haji Shafirllah bin Haji Ahmad** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar |
| 2 | • Kawasan Pekan Bangar<br>• Berek Bomba<br>• Kampung Sungai Tanam<br>• Kampung Sungai Tani<br>• Kampung Menangah<br>• Kampung Belayang | 3<br>4 | **Norezam bin Zaini** (Imam Tkt III)<br>**Haji Mohammad Fairuz bIn Haji Suhaile** (Bilal Tkt I) | Surau Al-Quwwah, |
| 3 | **Perkhemahan Bangar** (khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | 5<br>6 | **Muhammad Moazzam bin Awang Malali** (Imam Tkt IV)<br>**19377 Kpl Md Saufi Syafiq bin Md Safri** | Perkhemahan. Bangar Temburong |
| 4 | • Kampung Selangan<br>• Kampung Sumbiling<br>• Kampung Belaban Baru<br>• Kampung Sibulu | 7<br>8 | **Mahdini bin Kamis** (Imam Tkt I)<br>**Hajl Mohammad Syahmi bin Haji Tuah** (Bilal Tkt II) | Masjid Kampung Selangan |
| 5 | • Kampung Batu Apoi<br>• Kampung Negalang<br>• Kampung Perpindahan Gadong<br>• Kampung Selapon | 9<br>10 | **Shamsuddin bìn Haji Azahari** (Imam Tkt ll)<br>**Mohammad Saiful Bahrin bin Haji Yunos** (Bilal Tkt II) | Masjid Kampung Batu Apoi |
| 6 | • Kampung Bokok<br>• Kampung Meniup<br>• Kampung Bakarut<br>• Kampung Simbatang<br>• Kampung Kenua<br>• Kampung Lepong Lama<br>• Kampung Lepong Baru | 11<br>12 | **Sokhrati @ Muharmad Hanafi bin Haji Bahrun** (Imam Tkt III)<br>**Pengiran Mohd Daud bin Pengiran Haji Yaakub** (BIlal Tkt II) | Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok |
| 7 | • Kampung Belais<br>• Kampung Buda-Buda | 13<br>14 | **Mohd Safwan bin Zolkipli** (Imam Tkl IV)<br>**Julherime bin Haji Md Salleh** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Belais |
| 8 | • Kampung Labu Estate<br>• Kampung Senukoh | 15<br>16 | **Khairulamirin Fitrì bin Haji Samsudin** (Imam Tkt II)<br>**Haji Mohammad Sallehuddin bin Haji Suhaimi** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Labu Estate |
| 9 | Kawasan Surau Kampung Piasau-Piasau | 17<br>18 | **Haji Mohd Zin bin Haji Kulla** (Bllal Tkt I / Pmk Imam)<br>**Haji Mohammad Ashraf bin Haji Makmor** (Merbut /Pmk Bilal) | Balai Ibadat Kampung Piasau-Piasau |
| 10 | • Kampung Puni<br>• Kampung Ujong Jalan | 19 | **Azry bin Haji Mohammad Yusoff** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Puni |
| 11 | Kawasan Balai Ibadat Kampung Semabat | 20<br>21 | **Haji Mokhsin bin Abd Karim** (Bilal Tkt I / Pmk Imam)<br>**Mohd Fuad bin Mohd Yussof** (Bilal Tkt ll Khas) | Balai Ibadat Kampung Semabat |
| 12 | Kawasan Balai Ibadat Kampung Sibut | 22 | **Khairolrizan bin Ibrahim** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | Balai Ibadat Kampung Sibut |
| 13 | • Kampung Rataie<br>• Perpindahan Kampung Rataie<br>• STKRJ Kampung Rataie | 23<br>24 | **Rashiddy bin Hussen** (Bilal Tkt I)<br>**Mohamad Sahrul bin Ya'akub** (Merbut) | Masjid RPN Kampung Ratale |
| Jumlah Kawasan : <u>13</u> | | Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik : <u>24 orang</u> | | |

## PEMBERITAHUAN JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BIL : 1/2024 ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H BERSAMAAN 2024M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud ''Tidak dikenakan ke atasmu apa-apa (Zakat) sehingga sampai dua puluh dinar. Jika kamu memiliki dan sampai *haul*nya, maka padanya (Zakat) setengah dinar.''

   *(Hadis Riwayat Abu Daud bin Baihaqi)*

   ''1/2 dinar itu adalah 1/40 (2.5%) daripada 20 dinar. Berdasarkan kiraan sekarang, 20 dinar (mitsqal) emas itu bersamaan dengan 85 gram emas.''
2. Jumhur ulama fiqh telah mengatakan wajib zakat pada Matawang (*banknote*). Matawang tersebut telah menggantikan Matawang emas dan perak yang digunakan oleh orang-orang Arab terdahulu dalam berurus niaga sebelum kedatangan Islam. Matawang emas dikenali sebagai dinar dan Matawang perak sebagai dirham.
3. Majlis Ugama Islam Brunei telah menetapkan bahawa kadar nisab zakat harta (wang simpanan) sekarang adalah :

| EMAS | KADAR NISAB ZAKAT | BAYARAN ZAKAT |
|---|---|---|
| 21 KARAT<br>**BND78.20** 1 gram | BND78.20 X 85 GRAM<br>**BND6,647.00** | 2.5% ATAU 1/40<br>**BND166.17** |

   Kadar nisab ini bermula pada 24 Syaaban 1445H bersamaan 5 Mac 2024M

4. Memandangkan nilai emas boleh berubah dari semasa ke semasa dengan sebab perubahan turun naik harga emas di pasaran, maka kadar nisab zakat harta akan berubah mengikut pasaran harga emas semasa. Perkara mengenai perubahan kadar nisab zakat harta ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
5. Zakat harta wajib dikeluarkan setahun sekali sama ada mengikut perkiraan Tahun Hijrah atau Tahun Masihi oleh setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak.

**<u>CARA PENGIRAAN ZAKAT HARTA (WANG SIMPANAN)</u>**

Sekiranya harta simpanan yang dimiliki telah sampai nisabnya dan cukup haulnya (selama satu tahun), maka wajiblah dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5 % atau 1/40 daripada hartanya.

Contohnya :

BND6,647.00 X 2.5% = Zakatnya BND166.17

atau

BND6,647.00 x 1/40 = Zakatnya BND166.17

Ke muka VII

# ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H BERSAMAAN 2024M

Dari muka VI

**CARA PENGIRAAN ZAKAT HARTA (WANG SIMPANAN)**

Sekiranya harta simpanan yang dimiliki telah sampai nisabnya dan cukup haulnya (selama satu tahun), maka wajiblah dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5 % atau 1/40 daripada hartanya.

Contohnya :

BND6,647.00 X 2.5% = Zakatnya BND166.17
atau
BND6,647.00 x 1/40 = Zakatnya BND166.17

**i. KADAR NISAB ZAKAT EMAS IALAH 85 GRAM (NILAI WANG BND6,647.00)**

Apabila emas yang dimiliki telah cukup nisabnya dan sampai tempoh peredaran selama 1 tahun ia dimiliki (cukup haul), maka wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5% atau 1/40 daripada emas itu.

Contoh : 85 gram emas X BND78.20 X 2.5% = Zakatnya **BND166.17**

**ii. KADAR NIZAB ZAKAT PERAK IALAH 595 GRAM**

Apabila perak yang dimiliki cukup nisabnya dan sampai tempoh peredaran satu tahun ia dimiliki (cukup haul), maka wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5% atau 1/40 daripada perak itu.

Contoh :

i. 600 gram perak X 2.5% = 15 gram wajib dikeluarkan zakatnya
ii. 1,000 gram X 1/40 = 25 gram wajib dikeluarkan zakatnya.

**PERINGATAN**

* Kadar Nisab Zakat Harta sebanyak **BND6,647.00** adalah bermula pada 24 Syaaban 1445H bersamaan 5 Mac 2024M.
* Kadar Nisab Zakat Harta ini akan berubah dari semasa ke semasa mengikut pasaran harga emas. Ini akan disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Berita Televisyen dalam segmen kadar nisab zakat pada setiap hari.

## PEMBERITAHUAN JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BIL : 2/2023
## ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H BERSAMAAN 2024M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Menurut Mazhab Syafie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam, beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya
2. Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
3. Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilaian wang.
4. Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1445H bersamaan 2024M ialah **2 Kilo 268 Gram** atau dengan nilai wang seperti berikut :
   i. Jika Beras Wangi **BND2.84**
   ii. Jika Beras Siam **BND1.93**
   (Dengan nilaian wang ini bertaqlid kepada Mazhab Hanafi)
5. Secara umumnya, kadar Zakat Fitrah yang ditunaikan adalah mengikut harga beras yang biasa dimakan. Dalam pada itu, sesiapa yang pada kelazimannya memakan Beras Siam dan juga memakan Beras Wangi, maka adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya dengan Beras Wangi.
6. Waktu membayar Zakar Fitrah:
   i. Waktu Harus : Sejak dari awal bulan Ramadan
   ii. Waktu Sunat : Selepas sembahyang Subuh sehingga imam mendirikan sembahyang Hari raya
   iii. Waktu Wajib : Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadan.
   iv. Waktu Makruh : Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya.
   v. Waktu Haram : Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.

Pelita Brunei

# ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H BERSAMAAN 2024M

## KADAR ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1445H – 1446H / 2024M – 2025M

| BIL | RAMAI MUZAKKI | ZAKAT YANG WAJIB DIKELUARKAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | NILAI BERAS | | NILAI WANG | |
| | | KILO | GRAM | BERAS SIAM | BERAS WANGI |
| 1 | SEORANG | 2 | 268 | BND1.93 | BND2.84 |
| 2 | 2 Orang | 4 | 536 | BND3.86 | BND5.68 |
| 3 | 3 Orang | 6 | 804 | BND5.79 | BND8.52 |
| 4 | 4 Orang | 9 | 72 | BND7.72 | BND11.36 |
| 5 | 5 Orang | 11 | 340 | BND9.65 | BND14.20 |
| 6 | 6 Orang | 13 | 608 | BND11.58 | BND17.04 |
| 7 | 7 Orang | 15 | 876 | BND13.51 | BND19.88 |
| 8 | 8 Orang | 18 | 144 | BND15.44 | BND22.72 |
| 9 | 9 Orang | 20 | 412 | BND17.37 | BND25.56 |
| 10 | 10 Orang | 22 | 680 | BND19.30 | BND28.40 |
| 11 | 11 Orang | 24 | 948 | BND21.23 | BND31.24 |
| 12 | 12 Orang | 27 | 216 | BND23.16 | BND34.08 |
| 13 | 13 Orang | 29 | 484 | BND25.09 | BND36.92 |
| 14 | 14 Orang | 31 | 752 | BND27.02 | BND39.76 |
| 15 | 15 Orang | 34 | 20 | BND28.95 | BND42.60 |
| 16 | 16 Orang | 36 | 288 | BND30.88 | BND45.44 |
| 17 | 17 Orang | 38 | 556 | BND32.81 | BND48.28 |
| 18 | 18 Orang | 40 | 824 | BND34.74 | BND51.12 |
| 19 | 19 Orang | 43 | 92 | BND36.67 | BND53.96 |
| 20 | 20 Orang | 45 | 360 | BND38.60 | BND56.80 |
| 21 | 21 Orang | 47 | 628 | BND40.53 | BND59.64 |
| 22 | 22 Orang | 49 | 896 | BND42.46 | BND62.48 |
| 23 | 23 Orang | 52 | 164 | BND44.39 | BND65.32 |
| 24 | 24 Orang | 54 | 432 | BND46.32 | BND68.16 |
| 25 | 25 Orang | 56 | 700 | BND48.25 | BND71.00 |
| 26 | 26 Orang | 58 | 968 | BND50.18 | BND73.84 |
| 27 | 27 Orang | 61 | 236 | BND52.11 | BND76.68 |
| 28 | 28 Orang | 63 | 504 | BND54.04 | BND79.52 |
| 29 | 29 Orang | 65 | 772 | BND55.97 | BND82.36 |
| 30 | 30 Orang | 68 | 40 | BND57.90 | BND85.20 |

# BERPUASA DI PERANTAUAN BERI PENGALAMAN INDAH

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Raiyan Muqri Dr. Saiful Rizal, Nurul Irdina Haji Pudin, Muhammad Naji Merali





**AWANG Raiyan Muqri bin Dr. Saiful Rizal menuntut di University of Leicester (atas) dan Awang Muhammad Naji bin Merali menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir (kanan) semasa ditemu bual.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Menunaikan ibadah puasa pada bulan Ramadan adalah tuntutan kewajipan bagi seluruh umat Islam di dunia walau di mana jua kita berada. Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan tempatan yang bertugas di luar negara dan juga para pelajar tempatan yang sedang menuntut dan menyambung pengajian mereka ke luar negara, pastinya, pelbagai cabaran dan pengalaman dirasakan berpuasa di perantauan.

Selain terpaksa berjauhan daripada keluarga, berpuasa di luar negara juga mempunyai cabarannya tersendiri seperti dari segi cuaca, tempoh berpuasa yang lama terutamanya bagi negara-negara yang mempunyai musim, di samping negara yang hanya memiliki masyarakat Islam berskala kecil. Inilah yang dirasai oleh beberapa orang penuntut Negara Brunei Darussalam yang sedang melanjutkan pengajian di luar negara ketika ini.

Mengongsikan pengalaman menjalani ibadah puasa di perantauan, Awang Raiyan Muqri bin Dr. Saiful Rizal yang kini menuntut di University of Leicester berkata, ini merupakan kali pertama beliau berpuasa tanpa bersama keluarga.

"Sebelum tibanya Ramadan, saya sedikit gementar memikirkan bahawa saya akan bersungkai dan bersahur jauh daripada keluarga dan tidak dapat merasakan pelbagai makanan enak, namun sangkaan saya adalah silap.

"Bersungkai bersama pelajar-pelajar lain yang baru dikenali memberikan peluang bagi diri saya untuk menjalani Ramadan dari perspektif yang berbeza, di mana ia bukan sahaja bermaksud meraikannya bersama kaum keluarga, bahkan ia merupakan bulan untuk meraikannya bersama dengan kawan-kawan lain," ujarnya.

Jelas Awang Raiyan Muqri lagi, walaupun saya merindui makanan dan masakan-masakan di Gerai Ramadan di tanah air, namun berkumpul bersama-sama semasa bersungkai dan menunaikan sembahyang berjemaah membantu kami mengukuhkan lagi ukhuwah dan ini adalah momen dan kenangan yang tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Di Leicester tambahnya, mereka selalu bersungkai bersama-sama pelajar Brunei dan juga pelajar-pelajar dari Malaysia yang tinggal di sini.

"Bulan Ramadan ini mengajar saya bahawa sungkai berjauhan daripada keluarga atau rumah tidak semestinya sesuatu yang menyedihkan, malah ia adalah sebaliknya dan memberikan satu pengalaman menyeronokkan dalam hidup saya," jelasnya penuh bersyukur.

Bagi Dayang Nurul Irdina binti Haji Pudin pula, Ramadan kali ini merupakan tahun kedua beliau berpuasa sebagai pelajar yang melanjutkan pengajiannya di luar negara. Kini sedang melanjutkan pengajiannya dalam jurusan BEng Construction Engineering Management di University of Portsmouth, beliau menceritakan antara cabaran yang terpaksa dihadapi ialah perasaan rindu iaitu *homesick* dan berpuasa di sana terasa sunyi kerana hanya tinggal berseorangan.

Tambahnya lagi, pengalaman berpuasa di perantauan akan terasa kurang kemeriahan berbanding berpuasa di kampung halaman kerana tidak ada Gerai-gerai Ramadan dan sungkai bersama keluarga. Walaupun berjauhan daripada keluarga, beliau akan bersungkai bersama pelajar-pelajar dan rakan-rakan lain agar dapat merasakan suasana berbuka puasa beramai-ramai.

Menurut Dayang Nurul Irdina lagi, memandangkan pada masa ini adalah musim bunga (*spring*), tempoh berpuasa di tempat beliau adalah lebih kurang sama dengan jam berpuasa di tanah air. Dalam pada itu, beliau juga menzahirkan kegembiraan kerana beliau akan pulang ke tanah air pada minggu ketiga bulan Ramadan ini dan seterusnya menyambut Syawal bersama keluarga dalam beberapa hari sebelum kembali semula ke United Kingdom.



**DAYANG Nurul Irdina binti Haji Pudin.**

Begitu juga bagi seorang lagi mahasiswa yang kini sudah empat tahun berpuasa Ramadan di luar negara iaitu Awang Muhammad Naji bin Merali, merupakan penuntut Tahun 4 dalam jurusan Usuluddin Hadith di Universiti Al-Azhar, Mesir.

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana masih diberi peluang untuk menunaikan ibadah puasa pada tahun ini. Sudah lebih empat tahun saya menjalani ibadah puasa di sini, maka sudah pasti pengalaman yang saya lalui sangat banyak, ada kenangan yang manis, cabaran yang pahit juga ada.

"Perbezaan berpuasa di Mesir tanpa keluarga itu sangat ketara bezanya. Sungkai, sahur, Tarawih dan yang lain, semuanya bersama rakan dan sahabat saya, dan ada kalanya juga seorang diri. Berdikari adalah satu perkara yang selalu kami hadapi sebagai mahasiswa di sini," ujarnya mengongsikan. Boleh dikatakan, bulan Ramadan adalah bulan yang sangat dihargai dan terasa kehadirannya di Mesir berbanding bulan lainnya.

"Ramadan di sini sangat meriah, ditambah lagi dengan hiasan lampu yang berwarna-warni, seperti cucul dan *fanoos*, iaitu lantera gaya Arab dengan berbagai macam warna dan corak di kebanyakan negara Timur Tengah yang dihiasi di jalan-jalan, kawasan rumah, kedai-kedai dan masjid-masjid agar terlihat lebih indah, lebih-lebih lagi pada malam hari," jelasnya. Menyentuh mengenai waktu berpuasa, puasa tahun ini katanya adalah bermula 11 Mac hingga 8 April iaitu pada musim bunga.

"Pada hari pertama Ramadan, tempoh puasa di sini sekitar 13 jam 38 minit, iaitu dari pukul 4.43 pagi hingga 18.01 petang waktu setempat. Kebiasaannya, durasi puasa di Negeri Piramid ini bertambah setiap hari, antara satu hingga tiga minit per hari secara bertahap. Pada hari terakhir Ramadan pula, tempoh puasa di sini menjadi sekitar 14 jam 32 minit, iaitu mulai pukul 4.06 pagi hingga 18.18 petang waktu setempat," terang Awang Muhammad Naji.

Beliau menjelaskan, kuliah pada bulan Ramadan tidak jauh berbeza seperti bulan yang lain melainkan jadual waktunya dipendekkan daripada tujuh jam menjadi lima jam (mengikut jurusan masing-masing).

Pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan adalah bilamana para dermawan di Mesir dan negara Arab pada umumnya menghidangkan makanan dan minuman untuk berbuka puasa bagi orang ramai secara percuma, baik skala kecil mahupun besar yang mana ia disebut sebagai Maidaturrahman.

"Makanan di Maidaturrahman ini memang banyak dan mencukupi. Tahun lepas hampir setiap hari saya berbuka di Maidaturrahman agar kos perbelanjaan jimat pada bulan itu. Di samping itu saya boleh bersilaturahim dengan orang Mesir di sana dengan lebih dekat lagi. Perkara ini sudah menjadi satu tradisi buat mereka kerana mereka meyakini bahawa memberi makan kepada orang pada bulan Ramadan itu sangat memberi keuntungan yang besar buat mereka di akhirat kelak.

"Setiap malam pula, dihidupkan lagi dengan Sembahyang Tarawih di masjid-masjid yang hanya terdiri daripada lapan rakaat dan diteruskan dengan tiga rakaat Witir berserta Doa Qunut pada akhir rakaat. Kebanyakan masjid membaca satu muka surat Al-Quran di setiap rakaat. Meskipun Tarawih hanya lapan rakaat, namun suasana di masjid sangat meriah dan khusyuk, ditambah lagi alunan suara imam yang merdu dan penghayatannya yang dalam.

"Bahkan uniknya di sini, di pertengahan antara lapan rakaat Solat Tarawih, akan ada khutbah ringkas yang disampaikan oleh imam itu sendiri. Perkara ini (khutbah ringkas) tidak ada di negara tercinta saya, Brunei. Selepas selesai Tarawih, sebahagian masjid kadang kala menyediakan *moreh* untuk para jemaah, seperti kuih-muih tradisi Mesir seperti Kunafa, Basbousa dan lain-lain," kongsi beliau lagi.

Sementara itu, mengongsikan pada waktu sahur pula, Awang Muhammad Naji berkata, akan ada suara tegas yang sering kedengaran di luar tingkap membangunkan manusia yang lena tidur untuk santap sahur.

Merekalah yang digelar Mesaharati. Dengan beduknya yang kecil, mereka akan selalu mengelilingi dan berjalan di setiap kawasan kejiranan pada waktu Subuh yang sunyi, membangunkan penduduknya untuk bersahur disertakan dengan lantunan lagu Islami dan selawat.

Manakala aktiviti keagamaan seperti Majlis Nuzul Al-Quran, Khatam Al-Quran, Iftar Jama'ie Mawlid Akbar dan banyak lagi selalu diadakan di surau Brunei oleh Badan Kebajikan Penuntut Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir (BKPBDM).

Beliau juga menyatakan, juadah yang paling dirinduinya adalah masakan ibunya dan juga banyak lagi juadah tempatan lainnya, memandangkan ia tidak dapat diperoleh di Mesir.

"Begitulah serba sedikit pengalaman saya berpuasa selama empat tahun lebih di Mesir. Tidak dinafikan lagi bahawa berpuasa di negeri anbia ini adalah satu pengalaman yang sangat istimewa dan berharga buat saya.

"Mungkin saya tidak pulang berhari raya ke tanah air nanti kerana saya sudah berada pada tahun akhir. Memandangkan tahun ini adalah tahun terakhir saya, maka saya akan menikmati Ramadan kali ini dengan sepenuhnya. Salam Ramadan dari Mesir," jelasnya mengakhiri temu bual.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan Tawaran :**
01 / DBP / SH / 2024-2025

**Tajuk Tawaran :**
Pembekalan Sistem Mesh Wifi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Tawaran :**
02 / DBP / SH / 2024-2025

**Tajuk Tawaran :**
Pembekalan Alat Tulis Dan Barangan Keperluan Belajar Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
4 April 2024

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Bil. Tawaran :**
UBD / RFP / 001 / 2024

**Keterangan :**
Request For Proposal Library Café At Universiti Brunei Darussalam

**Bil. Tawaran :**
UBD / RFP / 002 / 2024

**Keterangan :**
Request For Proposal Library Uni Shop At Universiti Brunei Darussalam

**Bil. Tawaran :**
UBD / RFP / 003 / 2024

**Keterangan :**
Request For Proposal Simpur Herbal Café At Universiti Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 23 April 2024

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut harga**

**1.Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2024-2025 / 07 / BPK / 01

**Tajuk Sebut harga:**
Body Repair And Repainting For Compactor Truck BG2988 And BG4145, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**2.Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2024-2025 / 08 / BPK / 02

**Tajuk Sebut harga:**
Pembekalan Dan Pemasangan Alat Ganti Kenderaan Yang Berdaftar BG5069 Dan BG5070, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**Hari Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis,4 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**
Seksyen Bengkel, Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan, Depot Jabatan Bandaran, Kampung Belimbing Subok, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
IV & V sahaja

**Kategori :**
KA01 (kod baharu)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 004 / 2024

**Nama Projek :**
Membaik Pulih Tebing Sungai Rampayoh Dari Jalan Ke Jambatan Yang Susur Di Kampung Rampayoh, Daerah Belait

**No. Projek :**
2024ADKB/KEW-1

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

**Iklan Jawatan Kosong Di Universiti Teknologi Brunei**

**Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 7(A)**

**Iklan Dibukakan Kepada Orang Ramai Yang Berkelayakan (Termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan)**

**Tarikh Tutup:**
**8 April 2024**

Universiti Teknologi Brunei sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan jawatan kosong Pegawai Pelajaran di Universiti Teknologi Brunei:

**Bilangan Iklan :**
**04 / 2024**

**Jawatan :**
**Pegawai Pelajaran (Bimbingan Kerjaya Dan Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa), Pejabat Pendaftar (Bahagian Akademik)**

**Tangga Gaji :**
**G.13**
**(BND2,270 – BND4,240)**

**Bahagian :**
**II**

**Kekosongan :**
**Satu (1)**

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :** III & IV

**Kategori :** B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
9 April 2024 (Selasa)

**Tarikh Tutup :**
23 April 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DTS / 09 / CQS / 2024-T/III

**Nama Projek :**
Architectural Cladding For Turnstile Structure @ Stadium Negara Hassanal Bolkiah

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2023-2024 / 49

**Tajuk Tawaran:**
Storytelling Workshop For Tourist Guides

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
18 April 2024,

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Tawaran

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 023 / 2024

**Keterangan Tawaran :**
Pakej Pengendalian Persembahan Pentas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar Ali' Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 024 / 2024

**Keterangan Tawaran :**
Membekal Dan Memasang Tunjuk Arah Dan Papan Tanda Ketua-Ketua Kampung, Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa
9 April 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran Kastam dan Tajuk Tawaran**
Bil. 02 / 2024
Tawaran Membekalkan Segel Jenis *"Cable Lock Wire Seal"* Kepada Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 2 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

# KEBAJIKAN ANAK YATIM TERUS MENDAPAT PERHATIAN

Oleh : Marinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman





PENGERUSI BKSS, Awang Haji Md. Salleh bin Haji Mohiddin semasa menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (atas kiri dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mac. - Pelbagai pihak terus memainkan peranan dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim bersempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Ia memberi peluang kepada orang ramai untuk meraih pahala berlipat ganda dengan membantu golongan yang memerlukan terutama menjelang Aidilfitri yang bakal tiba.

Sehubungan itu, Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sanang (BKSS) pagi tadi mengadakan Majlis Bertahlil, Membaca Doa Arwah dan Penyampaian Derma bagi anak-anak yatim warga koperasi berkenaan.

Majlis tersebut berlangsung di Bilik Eksekutif, Bangunan Koperasi BKSS di Kantin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Awang Emmarul bin Haji Azmain.

Pada majlis tersebut, seramai tujuh anak yatim daripada warga Koperasi BKSS menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh Pengerusi BKSS, Awang Haji Md. Salleh bin Haji Mohiddin.

Turut hadir, ahli-ahli lembaga Koperasi BKSS.






PELITA BRUNEI

# BANTU KESAN SITI NUR HUMAIRA HUWAIDA

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan (BSB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang anak perempuan dipercayai keluar dari rumah.

Menurut kenyataan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), anak tersebut ialah Siti Nur Humaira Huwaida binti Abdullah Mohamad Almie, berumur 17 tahun, warga tempatan dengan memegang nombor Surat Beranak 0084117-01.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Pusat BSB menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



**SITI Nur Humaira Huwaida binti Abdullah Mohamad Almie, 17 tahun.**

# Kenali Bahasa Brunei

**Mamagang** bermaksud
**1** tidak membiarkan pergi.
Contoh pemakaian kata : bapa ***mamagang*** nini tidur di rumah masa malam pukul atu. Nini laki ***mamagang*** kadiaku tidur di kampung, kan mandangani kadia mamungut durian.
**2** menyimpan, mengasingkan, atau menyisihkan sesuatu untuk keperluan.
Contoh pemakaian kata : babu ***mamagang*** lauk basalai atu kan abang yang alum mulih dari karaja.

**Paingan** bermaksud
**1** kelainan tingkah laku atau fizikal pada manusia yang dibawa sejak lahir.
Contoh pemakaian kata : pasan urang tua-tua lagi daulu, jangan mainyaya binatang masa bini barisi-isian, takut karang lahir anak ***paingan*** binatang atu.
**2** sesuatu yang kerap kali dilakukan oleh seseorang tanpa disedarinya.
Contoh pemakaian kata : andang ***paingannya*** mangarap-ngarapkan mata, bukannya kan mangurat tu.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS**




# Selera KAMPONG Kitani



Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

# Ayam Merah Pandan
## Kampung Lambak

**BAHAN-BAHANNYA :**
Seekor ayam
Halia sebesar ibu jari (dihiris)
1 biji bawang holland (dipotong 6)
3 ulas bawang putih (dikisar)
2 biji bawang merah (dikisar)
Daun pandan 2 helai
3 sudu makan sos tomato
3 sudu makan sos cili
Serbuk lada putih
Minyak sapi

**CARA MEMBUATNYA :**
Ayam dibersihkan dan potong 12. Cairkan minyak sapi dalam kuali. Sesudah panas, tumis bawang merah dan bawang putih yang telah dikisar bersama serbuk lada putih dan halia. Setelah itu masukkan ayam bersama air secukupnya untuk merebus dan memasak ayam. Kemudian masukkan sos tomato dan sos cili berserta daun pandan. Gaul dan biarkan sehingga masak. Tutup api setelah kuah pekat dan siap untuk dihidang.

# Menyediakan Makanan Untuk Orang Berbuka Puasa




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

BULAN Ramadhan merupakan bulan yang sentiasa dirindui dan ditunggu-tunggu oleh umat Islam. Ia merupakan sebaik-baik bulan yang dipenuhi dengan banyak keberkatan dan keistimewaan yang tidak ada pada bulan-bulan yang lain. Antara keistimewaan bulan Ramadhan ialah terdapat di dalamnya Lailatul Qadar dan bulan Ramadhan menjadi medan tempat meraih pahala kerana semua amalan di dalamnya dilipat gandakan pahalanya.

Bulan Ramadhan juga menjadi istimewa kerana di dalamnya terdapat beberapa amalan yang tidak terdapat pada bulan-bulan yang lain seperti sembahyang sunat Tarawih dan puasa Ramadhan. Satu lagi amalan yang menjadi peluang untuk meraih pahala dalam bulan Ramadhan ialah menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa.

Menyediakan makanan untuk dimakan oleh orang yang berpuasa ketika berbuka puasa merupakan satu amalan mulia yang dianjurkan oleh syara' dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Para ulama bersepakat bahawa sunat hukumnya menjemput orang yang berpuasa dengan tujuan memberinya makan untuk dia berbuka. Anjuran amalan ini adalah berdasarkan hadits daripada Zaid bin Khalid al-Juhani *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Sesiapa memberi makan orang yang berpuasa (untuk dia berbuka) nescaya baginya (pahala) seperti pahala (puasa) mereka, tanpa mengurangi sedikit pun daripada pahala-pahala mereka.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Hadits di atas menyebut bahawa ganjaran bagi orang yang menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa ialah dia dikurniakan pahala sepertimana pahala puasa orang yang diberinya makan. Orang yang diberi hidangan berbuka itu pula tidak akan kehilangan pahala puasanya walau sedikitpun kerana hadits berkenaan bukan bermaksud pahala puasanya diberikan kepada orang yang memberinya makan, bahkan ia bermaksud orang yang memberinya makan itu akan diberikan pahala yang sama sepertimana pahala puasa orang yang diberinya makan itu.

Sekiranya orang berpuasa yang diberinya makan ketika berbuka itu melakukan sesuatu yang merosakkan pahala puasanya, maka menurut ulama, orang yang menyediakan makanan itu tetap dikurniakan pahala puasa yang sempurna iaitu seperti pahala puasa orang yang tidak rosak pahalanya sesuai dengan keluasan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menurut Imam al-Munawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Faidh al-Qadir, ganjaran pahala menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa tetap akan diperolehi sama ada orang yang diberi makan itu sememangnya orang kaya yang mampu menyediakan juadah untuknya berbuka atau orang miskin yang tidak mampu berbuat demikian. Apa yang penting, bagi mendapatkan ganjaran tersebut, menurut Imam Mulla 'Ali al-Qari *Rahimahullah* dalam kitabnya Mirqah al-Mafatih, hidangan berbuka itu hendaklah bersumber daripada pendapatan yang halal.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, amalan yang paling sempurna ialah dengan menyediakan hidangan berbuka yang boleh mengenyangkan orang yang diberi makan. Sekiranya tidak mampu menyediakan hidangan yang mengenyangkan, maka memadai menyediakan hidangan itu walaupun hanya dengan memberi sebiji kurma atau seteguk air atau susu atau yang seumpamanya.

Kelebihan lain lagi ialah para malaikat mendoakan keberkatan, kebajikan dan pengampunan bagi orang yang menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa. Dalam satu hadits daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu*, beliau menceritakan bahawa pada suatu hari Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah pergi ke rumah Sa'd bin 'Ubadah *Radhiallahu 'anhu* lalu beliau memberikan Baginda roti dan minyak untuk Baginda berbuka. Setelah selesai memakannya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lalu berdoa dengan doa berikut:

**Maksudnya:** *Orang-orang yang berpuasa telah berbuka di tempat kamu, dan orang-orang yang baik (bertaqwa dan mentaati Allah) telah makan makanan kamu dan para malaikat telah berdoa ke atas kamu (dengan keberkatan, kebajikan dan pengampunan).*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Amalan menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa ini juga membantu mengukuhkan ikatan ukhuwah, silaturahim dan kasih sayang sesama Islam tanpa mengira keturunan, pangkat dan kedudukan. Ia menghidupkan budaya tolong-menolong sesama orang Islam dan membantu meringankan beban dan memenuhi keperluan saudara seugama terutama sekali golongan yang kurang bernasib baik seperti golongan fakir miskin.

Dengan melaksanakan amalan menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa ini, orang tersebut secara langsung juga telah memenuhi satu tuntutan sunat yang lain yang juga dianjurkan untuk dilakukan pada bulan Ramadhan iaitu memperbanyakkan bersedekah dan bermurah hati terhadap anak isteri, keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan yang lainnya. Bermurah hati dan suka sedekah ini merupakan akhlak Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Sifat pemurah Baginda semakin bertambah pada bulan Ramadhan sebagaimana yang diriwayatkan oleh para sahabat Baginda. Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata:

**Maksudnya:** *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam merupakan manusia yang paling pemurah, dan Baginda itu lebih pemurah lagi dalam bulan Ramadhan ketika Jibril 'alaihissalam menemui Baginda. Adapun Jibril 'alaihissalam menemui Baginda pada setiap malam di bulan Ramadhan lalu dia (Jibril 'alaihissalam) bertadarus al-Qur'an bersama Baginda (Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam). Maka sememangnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu lebih pemurah dengan kebaikan daripada angin yang bertiup kencang.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* maksud *"lebih pemurah dengan kebaikan daripada angin yang bertiup kencang"* itu ialah gambaran betapa cepatnya Baginda dalam menghulurkan pemberian serta tidak putusnya limpahan kebajikan yang disalurkan oleh Baginda kepada siapa sahaja tanpa pilih kasih.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, hadits ini merupakan anjuran kepada umat Islam supaya menanam sifat pemurah dan sentiasa mengamalkannya pada setiap masa, dan sunat meningkatkannya pada bulan Ramadhan bagi mencontohi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Tambahan lagi, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, bulan Ramadhan merupakan waktu yang paling afdhal untuk bersedekah, terutama sekali pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan.

Selain sunat menyediakan makanan untuk orang berpuasa, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Minhaj al-Qawim, afdhal bagi orang yang menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa itu ikut makan bersama mereka kerana perbuatan tersebut menunjukkan sifat tawadhu' dan lebih menyenangkan dan menggembirakan hati orang yang dijamu. Dalam kitab Fiqh al-'Ibadat 'ala al-Madzhab asy-Syafi'i ada disebut bahawa makan bersama orang yang diberi makan ini juga tetap disunatkan walaupun orang yang menyediakan makanan itu sendiri tidak berpuasa seperti perempuan yang haidh dan sebagainya.

Orang yang dijamu pula sunat mendoakan orang yang menjamunya dengan doa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

**Maksudnya:** *Orang-orang yang berpuasa telah berbuka di tempat kamu, dan orang-orang yang baik (bertaqwa dan mentaati Allah) telah makan makanan kamu dan para malaikat telah berdoa ke atas kamu (dengan keberkatan, kebajikan dan pengampunan).*

Menurut Imam Ibn Raslan *Rahimahullah*, bagi orang yang dijemput untuk berbuka, sayugia dia tidak berbuka dengan makanan yang lain sekalipun waktu berbuka sudah masuk sebelum dia sampai ke tempat orang yang menjemputnya supaya orang yang menjemput itu mendapat ganjaran yang disebut dalam hadits.

Sekiranya hidangan atau makanan berbuka itu diberi atau dihantar kepadanya pula, maka sayugia dia menerima pemberian tersebut dan berbuka dengannya bagi membantu orang yang memberi makanan berbuka itu mendapatkan ganjaran dan bagi menyampaikan hajatnya.

Demikian penjelasan mengenai anjuran dan kelebihan menyediakan makanan untuk orang berbuka puasa.

# Penderma darah diperlukan segera

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Rabu<br>27 Mac 2024<br>8.00 malam hingga 10.00 malam | Event Stage, Kompleks Membeli-belah Mabohai, Kampung Mabohai |
| Sabtu & Ahad<br>30 & 31 Mac 2024<br>8.00 malam hingga 10.00 malam | Function Room, Tingkat 2, The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu |

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah pada tahap yang rendah.

Penderma darah Kumpulan 'A' dan 'O' adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini semasa bulan Ramadan ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah sepertimana yang telah dijadualkan.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Rabu, 27 Mac 2024 di Event Stage, Kompleks Membeli-belah Mabohai, Kampung Mabohai. Sementara itu, pada Sabtu dan Ahad, 30 dan 31 Mac 2024 akan diadakan di Function Room, Tingkat 2, The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu. Kempen ini akan diadakan bermula pukul 8.00 malam hingga 10.00 malam.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tabung Darah Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong juga akan mengadakan Kempen Derma Darah seperti berikut iaitu pada Sabtu, 30 Mac 2024 di Ruang Legar, Lantai Bawah, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong bermula pukul 8.00 malam hingga 10.00 malam.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Sabtu<br>30 Mac 2024<br>8.00 malam hingga 10.00 malam | Ruang Legar, Lantai Bawah, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong |




# HULUR SUMBANGAN RAIH KEBERKATAN RAMADAN



Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



**MAJLIS Penyampaian Sumbangan Derma yang berlangsung di kawasan letak kereta pasar raya berkenaan disempurnakan oleh Ketua Kampung Salambigar; Ketua Kampung Kawasan 4 Perpindahan Lambak Kanan serta Pengarah Urusan Pasaraya Orbit Sdn. Bhd. (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, para penerima yang hadir pada acara berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Pasar Raya Orbit Sendirian Berhad melahirkan kesyukuran dengan diberikan peluang untuk berbuat amal kebajikan melalui menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan khususnya pada bulan penuh rahmat ini.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma yang berlangsung di kawasan letak kereta pasar raya berkenaan disempurnakan oleh Ketua Kampung Salambigar, Awang Haji Abdul Rahman bin Sapar; Ketua Kampung Kawasan 4 Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Mohamad Fazzly bin Haji Suhaili serta Pengarah Urusan Pasaraya Orbit Sdn. Bhd., Anwar Ali S/O Mohamed Yusuff.

Seramai 85 penerima daripada keluarga yang kurang berkemampuan dari Kampung Lambak Kanan, Sungai Orok, Salambigar dan Sungai Hanching menerima sumbangan berupa barangan asasi berupa beras, minyak, biskut, susu dan sebagainya untuk menampung keperluan harian.

Pihak pasar raya melahirkan rasa syukur kerana berkesempatan mengungkayahkan acara berkenaan sebagai komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat mereka untuk masyarakat dan berharap dengan menghulurkan bantuan sedemikian akan dapat meringankan beban dan seterusnya berkongsi kegembiraan dalam meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.







# Keagungan Nuzul Al-Quran

**FIRMAN** Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185, mafhumnya :

*''(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah''.*

Peristiwa 17 Ramadan adalah hari di mana berlakunya peristiwa penting dalam sejarah Islam. Peristiwa Nuzul Al-Quran yang berlaku di Gua Hira' menjadi satu peristiwa agung dalam kehidupan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya diturunkan secara berperingkat-peringkat sehingga menjadi lengkap sebagaimana kitab suci Al-Quran yang ada pada masa kini. Al-Quran merupakan mukjizat yang paling besar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Nuzul bererti turun atau berpindah iaitu berpindah dari tempat sebelah atas ke tempat sebelah bawah. Manakala Al-Quran pula bermaksud bacaan atau himpunan. Ia dikatakan sebagai bacaan kerana Al-Quran itu untuk dibaca oleh umat manusia. Di dalamnya terhimpun ayat yang menjelaskan pelbagai perkara merangkumi persoalan mengenai tauhid, ibadat, jinayat, muamalat, sains, teknologi dan sebagainya. Kalimah Al-Quran sering dicantumkan dengan angkai kata 'Al-Quran mukjizat akhir zaman' atau 'Al-Quran yang mempunyai mukjizat'. Malah inilah sebenarnya kelebihan Al-Quran tidak ada satu perkara pun yang tertinggal di dalamnya. Dengan perkataan lain segalanya terdapat di dalam Al-Quran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-An'aam, ayat 38, yang mafhumnya :

*''Dan tiada seekor pun binatang yang melata di bumi dan tiada seekor pun burung yang terbang dengan kedua-dua sayapnya melainkan (ia juga) umat-umat seperti kamu. Tidaklah Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam al-Kitab, kemudian kepada Tuhan merekalah mereka dihimpunkan''.*

Sebagai umat Islam, kita sememangnya patut memperingati peristiwa ini dengan rasa penuh syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana telah memilih kita di kalangan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diturunkan kitab suci Al-Quran. Dengan turunnya Al-Quran ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bererti memancarnya cahaya sinaran wahyu Allah Subhanahu Wata'ala ke alam ini yang menerangi kegelapan dunia jahiliyah.

Al-Quran diturunkan di antaranya bertujuan untuk memperbaiki keadaan manusia dan juga sebagai petunjuk ke jalan lurus yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran Surah Ibraahiim, ayat 1, mafhumnya :

*"Alif, Lam, Ra, (inilah) kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) supaya engkau mengeluarkan manusia daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji''.*

Al-Quran diturunkan beransur-ansur dalam masa 22 tahun, dua bulan dan 22 hari (23 tahun). 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Al-Quran adalah hidayah, rahmat, syifa, an-Nur, al-Furqan dan pemberi penjelasan bagi manusia. Segala isi kandungan Al-Quran itu benar. Selain disebut Al-Quran, ia juga disebut al-Kitab, *al-Furqan, an-Nur, az-Zikr* dan lain. Al-Quran dikenali sebagai *an-Nur* bererti cahaya yang menerangi, *al-Furqan* bererti yang dapat membezakan di antara yang hak dan bathil dan *az-Zikr* pula bermaksud yang memberi peringatan.

Dalam sejarah kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ayat Al-Quran yang mula-mula sekali diturunkan Allah kepada Baginda melalui perantaraan Malaikat Jibrail (penyampai wahyu) ialah lima ayat awal daripada Surah Al-'Alaq yang mafhumnya :

*"Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".*

Di samping memperingati Nuzul Al-Quran ini, maka selaku orang yang mengaku beriman dengan kitab Allah itu, kita hendaklah berazam bukan sahaja untuk sama-sama memelihara Al-Quran akan tetapi hendaklah juga mempertingkatkan keimanan dengan menjadikan diri kita sebagai ahli Al-Quran. Jangan ianya dijadi kan sebagai perhiasan di rumah-rumah sedangkan ianya banyak kelebihan dan ganjarannya.

Di antara kelebihan ke atas orang yang membaca Al-Quran itu ialah :-

- Akan selamat dari api neraka, mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia bersama para Malaikat.
- Pada Hari Kiamat Al-Quran menjadi pembela.
- Pembaca akan memperolehi keamanan di dunia dan kemuliaan di syurga.
- Membaca sebelum tidur akan mendapat kawalan Malaikat.
- Pembaca akan dimasukkan ke dalam golongan Siddiqin, Syuhada dan Salihin.
- Jika dibaca di dalam rumah akan memberi cahaya kepada rumah itu.
- Seutama-utama manusia ialah mempelajari, mengajar dan menghayati ajaran Al-Quran.
- Mempelajari dan membaca Al-Quran akan mendapat keberkatan dan keharmonian hidup.

Oleh itu jadikanlah amalan membaca Al-Quran bukan sahaja di bulan Ramadan ini akan tetapi sebagai amalan harian kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mudah-mudahan kita mendapat ganjaran dan kelebihan dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang pernah dijanjikan.

# MISI MEMBANTERAS KEGIATAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG



ANTARA yang dirampas dan dibawa ke balai pada operasi berkenaan.



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Daerah Polis Brunei dan Muara telah menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang melibatkan pegawai dan anggota dari Daerah Polis Brunei dan Muara, PPDB, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dan Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP).

Sasaran operasi adalah di kawasan perumahan di Mukim Berakas dan dipercayai mengadakan kegiatan bunyi-bunyian (*karaoke*). Operasi berkenaan yang dimulakan dalam sekitar pukul 10.30 malam telah diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei dan Muara.

Hasil daripada operasi tersebut, semua peralatan elektronik seperti *speaker*, televisyen dan mikrofon telah dirampas dan dibawa ke balai. Pemilik-pemilik rumah bersama pelanggan-pelanggan juga telah dibawa ke balai untuk siasatan lanjut.

Operasi ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dan peraturan-peraturan di Daerah Brunei dan Muara dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini.




## Manfaatkan cuti sekolah dengan bijak



**CUTI** persekolahan penggal pertama bermula 25 Mac hingga 15 April. Ketika ini masanya untuk mengambil peluang untuk pelajar berehat bersama-sama ahli keluarga apatah lagi berlangsungnya cuti penggal persekolahan tahun ini pada bulan Ramadan dan berakhir pada awal Hari Raya.

Musim persekolahan ini bukanlah tiket bagi seseorang pelajar untuk melupakan ilmu dan menggunakan sepenuhnya masa dengan bermain, perlu bijak memanfaatkan cuti sekolah dengan perkara berfaedah. Antaranya ialah:

1. **RUTIN** seperti hari persekolahan perlu diteruskan seperti bangun awal untuk solat subuh, mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan kerja rumah yang diberi.
2. **BANTU** ibu bapa. Semasa bulan Ramadan ini, jadikan dapur sebagai ruangan aktiviti, bermula dengan menyediakan juadah yang mudah seperti kuih muih atau minuman untuk berbuka.
3. **BERTADARUS** atau mengaji bersama keluarga. Untuk meraih ganjaran pahala dan meningkatkan ketakwaan di bulan Ramadan yang mulia ini.
4. **BERGOTONG-ROYONG** membersihkan rumah. Cuti sekolah merupakan masa yang paling tepat untuk menjalankan aktiviti gotong-royong mengemas dan membersihkan rumah.
5. **MELAKUKAN** persediaan yang lebih rapi bagi menghadapi hari persekolahan berikutnya kerana boleh dilakukan secara lebih santai berbanding hari persekolahan yang terikat dengan tugasan daripada guru.





# Utamakan penjagaan kesihatan individu Sindrom Down

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Persatuan Sindrom Down

SETIAP pasangan suami isteri yang menantikan kelahiran anak damit mereka setentunya mengimpikan si kecil yang comel, sihat dan sempurna. Namun, tidak semua yang diimpikan itu menjadi kenyataan. Ada anak-anak damit yang lahir didiagnosis dengan pelbagai implikasi, salah satu daripadanya menghidap Sindrom Down. Sindrom Down merupakan sejenis penyakit genetik yang berpunca daripada tambahan kromosom 21. Ianya juga dikenali sebagai Trisomi 21 yang menunjukkan beberapa ciri fizikal dan mempengaruhi pertumbuhan serta perkembangan otak sejak kecil.

Bagaimanakah seseorang anak damit yang baru lahir itu boleh mendapat Sindrom Down? Sehingga kini masih belum diketahui kenapa Sindrom Down itu berlaku, tetapi ia sentiasa menjadi sebahagian daripada keadaan manusia yang wujud di seluruh dunia. Biasanya Sindrom Down menghasilkan kesan berubah-ubah pada gaya pembelajaran, ciri fizikal dan kesihatan. Bagi memantau pertumbuhan dan perkembangan individu Sindrom Down, adalah penting bagi mereka untuk mendapatkan akses yang mencukupi kepada penjagaan kesihatan, program intervensi awal dan kepada pendidikan inklusif serta penyelidikan yang sesuai.

Mereka yang menghidap Sindrom Down di negara ini sememangnya mendapat pemedulian yang serius oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan. Memetik perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Hari Sindrom Down Sedunia 2023 pada 21 Mac 2023 menyatakan bahawa kira-kira 10 orang anak damit dilahirkan mengalami Sindrom Down setiap tahun di negara ini secara purata dalam tempoh 20 tahun kebelakangan. Data dari Pusat Perkembangan Kanak-kanak pula, terdapat kira-kira 415 orang individu Sindrom Down tersenarai di pusat tersebut, yang mana empat orang di antaranya dilahirkan pada tahun 1971.

Dari segi penjagaan kesihatan, terang Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sangat mengutamakan penjagaan kesihatan rutin dan universal bagi semua individu Sindrom Down, sepertimana yang diberikan kepada semua warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang lainnya.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, Jabatan Pediatrik sentiasa berawas-awas apabila seorang anak damit Sindrom Down dilahirkan bagi mengesan seawal mungkin berlakunya sebarang komplikasi seperti masalah jantung, usus, pendengaran dan sebagainya. Apabila komplikasi seperti ini dikesan, rawatan awal akan diberikan seawal-awalnya sama seperti individu yang lain.

Perkembangan kanak-kanak Sindrom Down, tambah Yang Berhormat, juga diberikan perhatian khusus. Ke arah matlamat ini, Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Kementerian Kesihatan bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara tetap, tetapi ia juga memberikan pelbagai perkhidmatan bagi menyokong perkembangan awal kanak-kanak Sindrom Down.

### Hari Sindrom Down Sedunia

Bagi memperingati dan menyatakan sokongan terhadap individu yang menghidap Sindrom Down, 21 hari bulan Mac telah ditetapkan sebagai Hari Sindrom Down Sedunia. Pada tahun ini sambutan bertemakan ‘End the Stereotypes’ atau Akhiri Stereotaip. Bagi penghidap Sindrom Down dan kurang upaya intelek, stereotaip boleh menghalang mereka daripada dilayan seperti orang lain. Oleh itu, bersempena Hari Sindrom Down Sedunia 2024 ini, orang ramai diseru untuk menamatkan stereotaip terhadap individu Sindrom Down malahan melayani mereka sepertimana insan biasa lainnya.





# Al-Quran sebagai pegangan, pedoman hidup

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**

BULAN Ramadan adalah bulan istimewa kerana berlakunya salah satu peristiwa paling bersejarah dalam kalangan umat Islam, iaitu turunnya Al-Quran kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa yang dikenali sebagai 'Nuzul Al-Quran' ini merupakan peristiwa di mana turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara berperingkat-peringkat sehingga ianya menjadi lengkap sebagaimana kitab Al-Quran yang ada pada hari ini. Ia berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610 Masihi, tahun Ke-41 keputeraan Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam selama 23 tahun, iaitu 13 tahun diturunkan di Mekah dan 10 tahun di Madinah.

### Sambutan Majlis Nuzul Al-Quran

Seperti lazimnya, setiap 17 Ramadan majoriti negara Islam di dunia akan menyambut Nuzul Al-Quran yang setentunya memberi banyak fadilat dan keberkatan kepada kita. Begitu juga di Negara Brunei Darussalam, majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah akan diadakan pada Rabu malam Khamis, 17 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 27 Mac 2024 Masihi dengan tema 'Al-Qur'an Pedomanku'. Tahun ini seramai 25 orang peserta yang akan bertanding dalam lima kategori iaitu kategori A, B, C, D dan E. Bagi setiap kategori terdiri daripada lima orang peserta. Pada tahun ini juga akan diadakan penyampaian Ibrah bagi bacaan Al-Quran yang akan disampaikan oleh setiap johan peserta dalam kategori A, B, C, D dan E serta adanya penyertaan peserta baharu.

### Huraian tema

'Al-Qur'an Pedomanku' membawa pengertian tentang kitab suci Al-Quran ialah sebaik-baik panduan untuk dijadikan asas (pegangan) bagi kehidupan umat manusia. Ia merujuk kepada panduan hidup yang diambil dari ajaran Al-Quran yang merupakan Kalamullah sebagai petunjuk-Nya dan sumber pertama yang menjadi tempat rujukan dan panduan yang selengkapnya bagi seluruh umat manusia, membawa kepada kebenaran, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dengan Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Israa', ayat 9

"*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar*".

Umat yang maju dan cemerlang adalah umat yang sentiasa mempunyai pedoman hidup. Maka, salah satu sumber ke arah pedoman hidup yang membawa kepada kecemerlangan adalah Al-Quran. Isi kandungan Al-Quran adalah lengkap, memberikan peringatan dan pengajaran, merupakan salah satu sumber ilmu yang terpenting ke arah pembentukan umat Islam yang terdidik lagi cemerlang. Umat Islam perlu menyedari iaitu dalam mengakui akan hakikat keagungan kitab suci Al-Quran, ia bukan sahaja tempat atau sumber rujukan, malah ia ibarat peta yang lengkap lagi selamat sebagai sumber inspirasi dan dijadikan pedoman yang utama dalam merealisasikan kehidupan seharian ke arah yang lebih sempurna lagi cemerlang. Ini kerana Al-Quran merangkumi segala aspek kehidupan yang dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan hidup manusia yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Di dalam Al-Quran banyak menyebut hakikat-hakikat alam yang sebelumnya ada yang tidak pernah diketahui dan diterokai oleh akal manusia, akan tetapi semua ini penting untuk diambil berat kerana di dalamnya terhimpun khazanah ilmu yang merangkumi konsep ketuhanan, pengetahuan tentang alam ghaib, asas perundangan, moral sejarah manusia, fakta-fakta sains dan banyak lagi sebagai panduan dan petunjuk.

Dengan berpedomankan Al-Quran seseorang akan dapat membersihkan hati dan jiwanya dan membawanya kepada melakukan perkara-perkara yang makruf dan menjauhkannya daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar, kasih sayang akan sentiasa terjalin, tidak berpecah belah, jauh daripada persengketaan dan permusuhan. Al-Quran akan dapat memberikan syafaat, menjadi penawar dan ubat bagi dirinya sama ada pada rohani dan jasmaninya, dapat mendidik dan membentuk syakhsiah, peribadi dan akhlaknya ke arah jalan yang sempurna dan terpelihara, dan sentiasa memandu akalnya untuk berfikir dalam membuat perbandingan di antara yang baik dan buruk serta perkara yang bermanfaat dan yang mendatangkan mudarat.

Itulah Al-Quran yang merupakan anugerah terbesar dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk membimbing manusia dari kesesatan. Oleh kerena itu, tanpa kitab suci Al-Quran yang diturunkan kepada junjungan agung kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, manusia dengan segala daya dan kekuatan akal fikirannya tidak akan mampu menyatakan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Berkuasa atas segalanya dan juga tidak akan mampu memahami dan mengetahui siapa dirinya dan daripada apa dia diciptakan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga pernah bersabda dalam menyeru umat Baginda untuk sentiasa berpegang dengan Al-Quran dan Sunnah Baginda. Hal ini ada disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Malik dalam kitab muwaththa'nya, daripada Muslim bin Yasar Al-Juhani, Baginda bersabda :

"*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya*".

Justeru itu, umat Islam hendaklah sentiasa melaksanakan tuntutan tersebut dengan berpandukan kepada keduanya, lebih-lebih lagi kitab suci Al-Quran yang menjadi pedoman utama dan sumber rujukan yang lengkap sebagai penunjuk jalan ke arah kesempurnaan hidup yang sangat relevan bagi semua zaman dan semua peringkat umur manusia.

### Pencapaian Hufaz

Dalam memartabatkan Al-Quran di negara ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya ialah penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). ITQSHHB telah melahirkan 1, 568 graduan iaitu 854 orang lelaki dan 714 orang perempuan. 779 daripada mereka telah khatam dalam bacaan Al-Quran yang terdiri daripada 407 orang lelaki dan 372 orang perempuan. Hufaz yang termuda adalah dari pengajian Tahun 7. Selain itu, Hufaz juga telah mewakili negara ke musabaqah-musabaqah hafazan dan tarannum di luar negara seperti Arab Saudi, Dubai, Jordan, Iran, Mesir, Morocco, Indonesia dan lain-lain lagi. Mereka telah menceburi kerjaya lain seperti pendidikan, imam dan bilal, tentera, pegawai dan sebagainya. Ada juga yang telah menjadi imam tarawih di masjid-masjid, surau dan balai ibadah seluruh negara dan luar negara seperti Kemboja.

Terbukti bahawa menjadi Al-Hufaz ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat apabila permohonan kemasukan ke ITQSHHB melebihi 500 permohonan setiap tahun.

### Tingkatkan amalan membaca Al-Quran

Membaca Al-Quran sudah menjadi amalan harian di kalangan masyarakat Islam sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Lebih-lebih lagi di bulan suci Ramadan ini, kesempatan yang paling berharga untuk kita memperbanyakkan membaca Al-Quran. Amat rugilah seseorang itu jika ia tidak merebut peluang ini kerana membaca ayat suci Al-Quran merupakan ibadah yang diberikan pahala bukan hanya kepada pembaca bahkan orang yang mendengarnya.

Al-Quran adalah kitab Allah yang bukan sahaja dituntut untuk dibaca bahkan untuk dijadikan rujukan dan panduan bagi semua perkara dalam kehidupan. Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jasiyah, ayat 20 tafsirnya :

"*Al-Quran ini menjadi panduan bagi manusia dan petunjuk serta rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenaran)*".

Oleh itu, marilah kita sama-sama menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai budaya atau gaya hidup kita seharian. Bukan sahaja kita membacanya dengan tartil dan fasih tetapi juga memahami dan meneliti isi kandungan yang terdapat di dalamnya kerana ianya mampu menjadi ubat dan penawar, panduan dan petunjuk serta menjadi jawapan dan penyelesaian kepada segala permasalahan. Sesungguhnya, amalan membaca Al-Quran dan sekali gus mengamalkan isi kandungannya adalah jalan ke arah kecemerlangan di dunia dan akhirat.



BERITA GLOBAL

# PEMBANGUNAN CHINA MENGEJUTKAN DUNIA

**BEIJING**, 25 Mac. - Presiden Angola Joao Manuel Goncalves Lourenco berkata China sering membawa kejutan gembira kepada dunia menerusi perkembangan pembangunan yang berterusan.

"Kita masih ingat, imej China pada masa dahulu ialah petani yang bercucuk tanam di sawah padi. Namun pada masa ini, ia sudah berubah. Imej China kini adalah seperti pemuda yang bergaya moden, serupa dengan petugas kanan di syarikat sains dan teknologi besar," kata beliau dalam temu bual eksklusif dengan Kumpulan Media China (CMG) di Beijing baru-baru ini.

China dan Angola meraikan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik pada tahun lalu. Presiden Xi Jinping sebelum ini dilaporkan berkata kerjasama kedua-dua negara adalah kerjasama Selatan-Selatan, kesepakatan antara negara membangun dan saling bantu-membantu antara rakan baik.

"Saya setuju dengan pandangan Presiden Xi. Hubungan antara Angola dan China boleh dianggap sebagai contoh baik dan hubungan dua hala ini mencapai hasil pembangunan setiap tahun," kata Presiden Lourenco. Beliau berkata China sering memberikan bantuan kepada Angola termasuk pembinaan semula negara itu selepas dilanda peperangan.

Ketika dunia menghadapi penularan COVID-19, China memberikan bantuan bukan sahaja kepada Angola tetapi juga banyak negara lain di seluruh dunia. Terdapat lebih 400 syarikat China berdaftar di Angola yang menawarkan lebih 60,000 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Selain itu, China telah melaksanakan dasar bebas tarif kepada 98 peratus untuk produk dari enam negara termasuk Angola.

"Kita harus memberikan pujian (terhadap langkah ini). Ini adalah dasar yang berlawanan dengan penubuhan halangan tarif. Ia melambangkan keterbukaan, membolehkan produk kami memasuki pasaran besar seperti China," kata Presiden Lourenco. - ©BERNAMA

## Indonesia kawal selia caj penerbangan di wilayah Kepulauan Riau, Natuna secara kompetitif

**JAKARTA**, 25 Mac. - Pemerintah Indonesia akan mengawal selia caj perkhidmatan penerbangan secara profesional dan kompetitif selepas pengurusan ruang udara di wilayah Kepulauan Riau dan Natuna kini di bawah bidang kuasanya, menurut Direktorat Jenderal Perhubungan Udara.

Pelaksanaan penjajaran semula wilayah maklumat penerbangan (FIR) di antara Indonesia dan Singapura efektif 21 Mac 2024 telah menambah keluasan FIR Jakarta sebanyak 9.5 peratus kepada 2,842,725 kilometer persegi.

Direktur Jenderal Perhubungan Udara Maria Kristi Endah Murni berkata Indonesia bakal menikmati peningkatan hasil yang diperoleh daripada caj perkhidmatan penerbangan ke atas wilayah tambahan FIR.

"Ini adalah sebahagian daripada Perjanjian FIR di antara Indonesia dan Singapura. Di harapkan industri penerbangan negara dapat berkembang dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan.

Kutipan Caj Perkhidmatan Navigasi Laluan Udara (RANS) dalam ruang udara Sektor A dan B, dari ketinggian 0 hingga 37,000 kaki, bermula pada 21 Mac, seperti yang dipersetujui kedua-dua negara.

Bagi ruang udara di luar sektor berkenaan yang terjejas akibat penjajaran semula FIR, kutipan dilakukan penyedia perkhidmatan penerbangan udara, AirNav Indonesia mengikut peraturan ditetapkan.

Indonesia juga menempatkan kakitangan Civil Military Cooperation in Air Traffic Management (CMAC) di Pusat Kawalan Trafik Udara Singapura (SATCC) yang bertugas 24 jam memantau pesawat dari Indonesia ke Singapura dan sebaliknya.

Menteri Pengangkutan Budi Karya Sumadi berkata pesawat yang terbang dalam ruang udara penjajaran semula FIR kini mendapatkan perkhidmatan penerbangan terus daripada AirNav Indonesia tanpa menghubungi Singapura.

Sebelumnya penerbangan domestik seperti dari Jakarta ke Natuna perlu menghubungi perkhidmatan penerbangan Singapura apabila memasuki Kepulauan Riau.

Penerbangan antarabangsa seperti dari Hong Kong ke Jakarta juga perlu menghubungi Singapura apabila melintas Natuna sebelum dilayan oleh AirNav Indonesia, katanya.

Rundingan FIR antara Indonesia dan Singapura telah bermula sejak 1995 sebelum persetujuan dicapai pada 2022. - ©BERNAMA

## Serangan di Moscow : Perancis tingkat tahap amaran tertinggi

**PARIS**, 25 Mac. - Selepas serangan pengganas di dewan konsert berhampiran Moscow, Perancis telah meningkatkan amaran keselamatannya ke tahap tertinggi, umum Perdana Menteri Gabriel Attal pada Ahad.

Dalam hantaran di X (Twitter), Attal berkata langkah itu diambil semasa mesyuarat majlis pertahanan dan keselamatan atas permintaan Presiden Emmanuel Macron, berdasarkan dakwaan Daesh yang mengaku bertanggungjawab ke atas serangan itu dan ia ancaman terhadap Perancis.

"Memandangkan Daesh mengaku bertanggungjawab ke atas serangan itu dan ancaman yang melanda negara kita, kami telah memutuskan untuk meningkatkan amaran keselamatan ke tahap tertinggi," kata Attal, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Amaran keganasan Perancis mempunyai tiga tahap dan amaran tertinggi boleh ditetapkan dengan segera selepas serangan atau apabila kumpulan pengganas yang dikenal pasti dan tidak diketahui lokasinya menjadi aktif.

Tahap amaran tertinggi dikenakan untuk tempoh masa yang terhad semasa pengurusan krisis. Ia membolehkan penggemblengan sumber yang luar biasa, tetapi juga penyebaran maklumat yang dapat melindungi rakyat dalam situasi krisis.

Sekurang-kurangnya 137 orang terbunuh apabila beberapa lelaki bersenjata melepaskan tembakan ke arah penonton konsert di Dewan Bandaraya Crocus di barat laut Moscow pada Jumaat malam.

Sebelas suspek termasuk empat lelaki yang dipercayai terlibat secara langsung dalam serangan itu telah ditahan. Empat suspek utama dilaporkan ditangkap di wilayah Rusia Bryansk, yang bersempadan dengan Ukraine dan Belarus dan telah dibawa ke Moscow untuk disoal siasat.

Cawangan Daesh Wilayah Khorasan (ISKP), yang berpangkalan di Afghanistan dan Pakistan, telah mengaku bertanggungjawab atas serangan itu tetapi pihak berkuasa Rusia masih belum mengulas mengenai dakwaan berkenaan.

Sebaliknya, Presiden Rusia Vladimir Putin - tanpa memberikan bukti - telah mencadangkan bahawa terdapat "jejak" yang mendakwa penglibatan Ukraine, sebaliknya Kiev menafikan sekeras-kerasnya. - ©BERNAMA

## Permulaan fasa peralihan monsun dijangka pada 29 Mac ini

**KUALA LUMPUR**, 25 Mac. - Keadaan cuaca panas dan kering yang dialami ketika ini di kebanyakan kawasan di seluruh negara dijangka beransur pulih menjelang pertengahan April.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Muhammad Helmi Abdullah berkata ini susulan permulaan fasa peralihan monsun yang dijangka bermula pada 29 Mac ini dan berterusan hingga Mei, menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut (MTL) yang berlaku sejak 11 Nov lepas.

"Semasa fasa peralihan monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang kondusif untuk kejadian ribut petir dan lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat.

"Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta selatan dan tengah Sarawak," katanya dalam kenyataan hari ini. Beliau berkata keadaan cuaca berkenaan berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai untuk lebih berwaspada ketika tempoh tersebut dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca yang dikeluarkan MetMalaysia melalui laman web rasmi, aplikasi myCuaca dan media sosial rasmi MetMalaysia. Menurutnya orang ramai juga boleh menghubungi Hotline MetMalaysia di 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut. - ©BERNAMA

## 1 maut, 9 hilang dalam tanah runtuh di Jawa Barat, Indonesia

**JAKARTA**, 25 Mac. - Seorang maut manakala sembilan lagi, termasuk kanak-kanak hilang selepas tanah runtuh melanda sebuah kampung di wilayah Jawa Barat Indonesia pada Ahad, kata seorang pegawai tempatan pada Isnin.

Bencana di kampung Cibenda di daerah Bandung Barat itu berlaku selepas hujan lebat berterusan selama kira-kira dua jam. Pemangku Pegawai Daerah Bandung Barat, Arsan Latif berkata seorang wanita daripada sembilan individu tertimbus telah ditemukan pada awal Isnin, lapor Xinhua.

Menurut beliau, kira-kira 400 penduduk kampung terjejas dipindahkan ke pusat perlindungan sementara selepas berpuluh-puluh rumah musnah. - ©BERNAMA

## Empat dituduh lakukan keganasan dalam serangan dewan konsert di Moscow

**MOSCOW**, 25 Mac. - Empat individu yang terlibat secara langsung dalam serangan di dewan konsert di sini telah dituduh di mahkamah atas dakwaan melakukan keganasan, lapor media tempatan pada Isnin.

Sebuah mahkamah daerah di Moscow memerintahkan keempat-empat suspek dikenal pasti sebagai rakyat Tajikistan untuk ditahan sebelum dibicarakan, Xinhua memetik satu laporan daripada Agensi Berita TASS. Mereka akan ditahan sehingga 22 Mei.

Pada Jumaat malam, lelaki bersenjata melepaskan tembakan rambang ke arah penonton konsert di Dewan Bandaraya Crocus di pinggir bandar Moscow mengorbankan sekurang-kurangnya 137 nyawa. Kebakaran yang berlaku kemudian menyebabkan bumbung bangunan itu runtuh. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# KAZANFORUM 2024 SEDIA PLATFORM UNTUK RUSIA, NEGARA OIC BEKERJASAMA DALAM SAINS, PENDIDIKAN

**KUALA LUMPUR**, 26 Mac. - Forum Ekonomi Antarabangsa Rusia-Dunia Islam : KazanForum 2024 (KazanForum 2024) akan menjadi platform tetap untuk kerjasama antara Rusia dan negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam bidang sains dan pendidikan.

Menurut kenyataan sekretariat KazanForum 2024, pada akhir tahun 2022, lebih 262,000 penuntut dari negara anggota OIC belajar di universiti dalam Rusia dengan lebih 84,000 pelajar dibiayai oleh Kerajaan Rusia.

"Rusia sedang meningkatkan jumlah kuota untuk pendidikan percuma bagi pelajar dari negara OIC," menurut kenyataan itu.

Sekretariat itu berkata lebih 355,000 pelajar belajar di Rusia pada tahun lepas dan jumlah pelajar asing dijangka mencapai 425,000 orang menjelang akhir tahun ini.

Menurut kenyataan itu, pelajar dari negara OIC membentuk bahagian utama penuntut di Rusia.

Bidang pengajian yang paling popular dan mendapat permintaan pelajar dari negara-negara OIC adalah sains perubatan, ekonomi, kejuruteraan perisian, pengurusan, sains komputer dan informatik, serta hubungan antarabangsa.

KazanForum 2024 akan dianjurkan selama enam hari dari 14 Mei, 2024.

Ia adalah platform utama untuk interaksi perniagaan antara Rusia dan negara-negara dunia Islam.

Forum itu menyasarkan untuk mengukuhkan perdagangan dan ekonomi, saintifik dan teknikal, pendidikan, sosial dan hubungan budaya antara wilayah Rusia dan 57 negara anggota OIC.

Topik utama KazanForum 2024 termasuk kewangan Islam, industri halal, pelaburan antarabangsa, industri, teknologi inovatif, tenaga, logistik, pelancongan, diplomasi, alam sekitar, sosial dan prinsip tadbir urus (ESG), perusahaan kecil dan sederhana (SMEs), perubatan, sukan, media dan industri. - ©BERNAMA

# Bekas Ketua Persatuan Bola Sepak China dipenjara seumur hidup

**WUHAN**, 26 Mac. - Sebuah mahkamah di Wilayah Hubei tengah China pada Selasa menjatuhi hukuman penjara seumur hidup terhadap bekas Ketua Persatuan Bola Sepak China (CFA), Chen Xuyuan atas kesalahan rasuah.

Menurut keputusan mahkamah, tertuduh dilucutkan hak politik seumur hidup dengan semua harta peribadinya akan dirampas.

Selain itu, keuntungan yang diperoleh secara haram akan didapatkan semula dan diserahkan kepada perbendaharaan negeri, lapor Xinhua.

Mahkamah Pertengahan Rakyat Huangshi mendapati Chen menyalah guna pelbagai jawatan yang disandangnya dari tahun 2010 hingga tahun 2023 termasuk yang berkaitan CFA antaranya membantu individu lain dalam perkara berkaitan kontrak projek, operasi pelaburan dan pengaturan acara sukan.

Sebagai balasan, beliau menerima wang tunai dan barang berharga bernilai lebih 81 juta yuan (kira-kira US$11.42 juta).

Menurut mahkamah, semasa berkhidmat di CFA, Chen cuba mendapatkan kelebihan yang tidak adil bagi beberapa kelab bola sepak dan persatuan bola sepak tempatan dalam pelbagai aspek seperti pengaturan acara sukan, kenaikan pasukan dalam liga dan keputusan pengadil.

Ini telah mengganggu persaingan yang adil dan keseimbangan industri, menyebabkan kemudaratan besar kepada pembangunan bola sepak negara.

Beliau juga didapati telah membantu individu lain dalam kenaikan pangkat dan pengaturan kakitangan.

Menurut mahkamah, kira-kira 4 juta yuan daripada nilai rasuah itu sebenarnya tidak diterima Chen.

Selain itu, Chen juga telah bekerjasama dalam siasatan dan mengembalikan keuntungan diperoleh secara haram yang juga diambil kira mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. - ©BERNAMA

# Menteri Luar ASEAN kutuk serangan pengganas di Moscow

**JAKARTA**, 26 Mac. - Menteri-menteri Luar ASEAN mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas di Dewan Bandaraya Crocus, Krasnogorsk, Moscow, Rusia pada 22 Mac yang mengakibatkan kehilangan banyak nyawa, termasuk kanak-kanak.

Mereka dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Selasa berkata ASEAN menyokong sepenuhnya usaha Kerajaan Rusia menangani keadaan itu dan membawa pelakunya ke muka pengadilan.

Menteri-menteri Luar itu juga menekankan kepentingan segera bagi sebuah usaha bersepadu untuk menghapuskan kesengsaraan akibat keganasan secara komprehensif dan menyeluruh.

''ASEAN kekal bersolidariti dengan rakyat dan Kerajaan Rusia dalam masa kesusahan ini," kata mereka.

Mereka juga mengulangi kesungguhan komitmen mereka untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa dalam memerangi keganasan dan ekstremisme keganasan dalam segala bentuk dan manifestasi, tekal dengan prinsip digariskan dalam konvensyen dan protokol antarabangsa, termasuk Piagam ASEAN.

ÄSEAN menzahirkan rasa simpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa, rakyat dan Kerajaan Rusia dan mengharapkan agar mereka yang cedera dapat segera sembuh," kata mereka.

Serangan pengganas di Dewan Bandaraya Crocus pada Jumaat lepas mengorbankan sekurang-kurangnya 133 nyawa dan 140 orang lagi cedera. - ©BERNAMA

# Singapura lantik Duta pertama bagi tindakan iklim

**SINGAPURA,** 26 Mac. - Bekas Pengarah Urusan Penguasa Kewangan Singapura (MAS), Ravi Menon dilantik sebagai Duta pertama bagi Tindakan Iklim Singapura berkuat kuasa 1 April.

Sekretariat Perubahan Iklim Kebangsaan (NCCS) berkata Menon yang juga dilantik sebagai penasihat kanan sekretariat itu akan memainkan peranan utama dalam usaha iklim Singapura di dalam dan luar negara.

"Beliau akan mewakili Singapura di platform tindakan iklim antarabangsa, untuk menyumbang kepada wacana global dan tindakan kolektif," katanya dalam kenyataan, Selasa.

Menon juga akan memacu perkongsian awam-swasta dengan pihak berkepentingan tempatan, khususnya komuniti perniagaan, untuk membantu mereka meraih peluang untuk berjaya dalam masa depan rendah karbon serta menasihati NCCS mengenai dasar dan tindakan iklim seluruh kerajaan.

Dalam peranannya sebelum ini di MAS, Menon membantu membina ekosistem kewangan hijau untuk menyokong peralihan Singapura dan Asia ke arah masa depan rendah karbon.

Beliau juga mengetuai usaha MAS untuk membangunkan taksonomi bagi pembiayaan peralihan, menjalin gabungan antarabangsa untuk menggalakkan kredit peralihan dan membina platform kewangan campuran untuk menangani jurang kewangan iklim dan meningkatkan kelayakan projek hijau dan peralihan di Asia.

NCCS ditubuhkan pada 2010 di bawah Pejabat Perdana Menteri untuk membangun dan melaksanakan dasar dan strategi domestik dan antarabangsa Singapura bagi menangani perubahan iklim. - ©BERNAMA

# 256 kali gempa susulan direkodkan selepas gempa di Laut Jawa

**JAKARTA**, 26 Mac. - Wilayah Jawa Timur mengalami gempa susulan sehingga 256 kali setakat Isnin, menurut agensi pengurusan bencana daerah (BPBD).

Pantauan BPBD Jawa Timur sehingga 6 pagi waktu tempatan mendapati rangkaian gempa kecil itu berikutan gempa bumi kuat 6.0 magnitud 11.22 pagi Jumaat lepas.

Gempa yang berpusat di Laut Jawa, kira-kira 132 kilometer timur laut Tuban di kedalaman 10 kilometer, menghasilkan getaran kuat di Tuban, Bawean, Lamongan, Bojonegoro dan Surabaya.

Getaran turut dirasakan di beberapa wilayah berhampiran seperti Jawa Tengah, Yogyakart sehingga Kalimantan Selatan.

Gempa dengan 6.5 magnitud menyusul 3.52 petang hari yang sama, berpusat 130 kilometer timur laut Tuban di kedalaman 10 kilometer.

Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) hari ini melaporkan hampir 4,680 rumah di Gresik, Tuban, Lamongan, Sidorajo, Pamekasan dan Kota Surabaya mengalami kerosakan.

Seramai 33,535 orang kini berada di pusat pemindahan sementara terdiri daripada 18,531 dewasa, 10,109 kanak-kanak dan 4,895 warga emas, kata jurucakap BNPB Abdul Muhari dalam kenyataan.

Bencana geologi itu juga menyebabkan kerosakan bangunan kemudahan awam termasuk 91 sekolah, 24 pejabat, lima hospital dan 183 tempat ibadah.

Pemerintah wilayah dan daerah serta agensi penyelamat termasuk polis dan tentera sedang menangani darurat dengan mendirikan khemah serta menyediakan keperluan asas kepada mangsa. - ©BERNAMA

# Singapura siasat tompokan minyak di perairan Pelabuhan Tuas

**SINGAPURA**, 26 Mac. - Tiga agensi Singapura sedang menyiasat laporan mengenai tompokan minyak yang dikesan beberapa kali di perairan Pelabuhan Tuas, menurut Penguasa Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA).

MPA berkata siasatan awal oleh agensi itu bersama Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) dan Perbadanan JTC serta hasil ujian makmal ke atas sampel minyak mendapati sumber itu berkemungkinan berasal dari kawasan darat negara itu.

"Pada masa ini tiada bukti menunjukkan punca pencemaran minyak.

"Tompokan minyak tidak memberi kesan ketara kepada operasi atau navigasi pelabuhan," menurut MPA dalam kenyataan, sebagai respons kepada pertanyaan media.

Ia berkata siasatan lanjut oleh NEA sedang dijalankan untuk mengenal pasti kawasan darat pencemaran minyak itu, yang mungkin mengalir melalui rangkaian longkang ke laut.

Sementara itu, MPA mengerahkan rondaan berkala untuk memantau perairan Pelabuhan Tuas, dengan kraf tindak balas tumpahan minyak bersedia diaktifkan dalam masa yang singkat, untuk menangani sebarang tompokan minyak dengan cepat.

JTC juga telah memasang hadangan terapung dan kamera CCTV pada saliran utama untuk memantau minyak yang berkumpul di ledakan itu.

"NEA juga telah mengeluarkan panduan dan peringatan kepada pelbagai premis di sekitar Pelabuhan Tuas mengenai pengurusan minyak sisa yang sesuai," tambahnya. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# KONGSI PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NBD



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mulak Negara Brunei Darussalam ke Riyadh Arab Saudi mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama rombongan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam**

**RIYADH, ARAB SAUDI**, Isnin, 25 Mac. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Riyadh Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama rombongan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

FABD telah mengadakan Lawatan Rasmi kepada Persekutuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) di Jeddah dan Riyadh, Arab Saudi pada 19 hingga 28 Mac 2024.

Pada majlis tersebut, Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff berkesempatan menjelaskan mengenai beberapa sesi lawatan ke beberapa *venue* dan perjumpaan bersama Pegawai-pegawai kanan SAFF yang berlangsung di Riyadh.

TYT Awang Haji Harun dan Presiden FABD juga bertukar pandangan semasa pembangunan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

# Tze Yong masih berpeluang realisasi misi Olimpik Paris andai juarai BAC 2024

**KUALA LUMPUR**, 26 Mac. - Pemain perseorangan negara, Ng Tze Yong masih berpeluang membuat penampilan sulung pada Sukan Olimpik 2024 di Paris sekiranya berjaya menjuarai Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China, pada 9 hingga 14 April ini.

Walaupun Tze Yong masih menjalani proses pemulihan susulan pembedahan di bahagian belakang baru-baru ini, namun Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM), Rexy Mainaky berkata kesemuanya bergantung kepada keinginan pemain berkenaan sama ada benar-benar mahu beraksi di temasya sukan terbesar dunia itu atau sebaliknya.

"Terpulang kepada Tze Yong sama ada dia yakin atau tidak untuk bermain di BAC, jika tidak lebih baik fokus kepada Piala Thomas 2024 dan lupakan Olimpik.

"Tze Yong perlu 'all out' kerana laluan untuk ke Olimpik dia perlu muncul juara (BAC)," katanya kepada pemberita selepas sesi latihan di sini, hari ini.

Laluan pemain berusia 23 tahun itu untuk ke Paris 2024 kini di ambang bahaya selepas tersingkir daripada carta kedudukan 16 pemain teratas dalam 'Race to Paris' yang dijangka berakhir pada 28 April ini.

Sementara itu, pemain profesional, Lee Zii Jia berada dalam kedudukan terbaik untuk beraksi buat kali kedua di pentas Olimpik selepas Tokyo 2020 apabila menduduki tangga ke-10 dalam carta 'Race to Paris' dengan memungut 68,296 mata.

Sesebuah negara hanya boleh menghantar dua wakil bagi acara perseorangan, jika kedua-dua pemain berada pada kedudukan 16 teratas dalam 'ranking' 'Race to Paris'.

Temasya Sukan Olimpik 2024 dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Sementara itu, Rexy berkata Tze Yong ketika ini belum berupaya untuk melompat manakala pergerakannya di dalam gelanggang masih terbatas.

Pakar beregu dari Indonesia itu berharap agar pemain ranking ke-18 dunia itu mampu mengatasi trauma susulan kecederaan yang dialaminya bagi mengembalikan semula keyakinannya di dalam gelanggang.

"Datuk Tey Seu Bock (jurulatih perseorangan lelaki) juga ada beritahu saya ketika latihan di gimnasium Tze Yong ada rasa sedikit 'fed up', nak buat ini tak boleh, nak buat itu tak boleh.

"Kita semua mahu Tze Yong 'fit' tapi apa pun berbalik kepada beliau sama ada mahu terus mencuba atau sebaliknya kerana dia lebih memahami keadaan badannya...," katanya. - ©BERNAMA

# TFC fokus perlawanan pra-musim dalam negara

**KUALA NERUS**, 26 Mac. - Terengganu FC (TFC) tidak akan mengadakan perlawanan pra-musim dengan kelab luar negara, sebagai langkah mengurangkan kos operasi.

Pengarah Sukan Terengganu Football Club Sdn. Bhd. (TFCSB), Zulfadzli Rozi berkata keputusan itu juga dibuat, selepas melihat persediaan pasukan lain di Liga Malaysia (Liga M) musim ini.

Bagaimanapun beliau berkata skuad Penyu telah merangka beberapa siri perlawanan persahabatan dengan beberapa kelab dalam negara, bermula dengan Selangor II, PDRM FC dan Negeri Sembilan FC (NSFC).

"Kita akan memulakan perlawanan pra-musim di Lembah Klang dari 31 Mac hingga 4 April depan.

"Kemudian kita akan teruskan dengan perlawanan jemputan empat penjuru, yang melibatkan pasukan TFC, Terengganu FC II (TFC II), Kedah Darul Aman FC (KDA FC) dan Penang FC di Kuala Terengganu, pada 17 hingga 21 April depan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Zulfadzli berkata dua siri perlawanan persahabatan terakhir yang akan berlangsung pada 28 April dan 3 Mei depan, akan menggunakan sistem Video Assistant Referee (VAR) bagi menguji kecekapan pelaksanaannya bermula musim ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA KESELAMATAN, KESIHATAN SEMASA CUACA PANAS